



Dapatkan e-paper
MHI di sini

Menyambut Ulang Tahun Ke-40



YANG di-Pertua Negeri Melaka, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam diiringi Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali (kiri) dan Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka Datuk Wira Ibrahim Durum, menerima tabik hormat daripada perbarisan kawalan kehormatan pada Perasmian Pembukaan Dewan Undangan Negeri Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

Kestabilan politik pacu ekonomi Melaka

- Kerajaan negeri perlu tunai manifesto
- Yang Berhormat perlu tunjuk teladan dan matang ketika bersidang
- Perbaiki taraf kebersihan Melaka sekarang
- Tingkatkan aspek pendigitalan negeri ke arah bandar raya pintar berteknologi tinggi **2&3**



Gerun
Lihat
UPB

7

Kejadian ribut tinggalkan kesan mendalam kepada mangsa **21**



Menggigil 'dihenjut' pari kelong Umbai

24



Kerajaan negeri perlu tunai manifesto - TYT

Faiz Hasan

SERI NEGERI – Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri dibawah pimpinan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali kerana memenangi undi majoriti dua pertiga pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka Nov lalu.

Beliau yakin dan percaya dibawah pimpinan ketua menteri dan semua

barisan ahli mesyuarat kerajaan negeri dan seluruh jentera pentadbiran awam, negeri Melaka akan ditadbir dengan penuh cemerlang selaras dengan mandat diberikan rakyat.

"Besarlah harapan saya agar wakil-wakil rayat yang diberikan kepercayaan ini melaksanakan tanggungjawab dan memberikan komitmen terbaik bagi memastikan perkhidmatan kerajaan negeri dapat berfungsi sebaiknya terutama dalam

membantu menyelesaikan beban masalah dihadapi oleh rakyat negeri Melaka pada masa ini.

"Saya berharap kerajaan negeri di bawah kepimpinan Sulaiman menunaikan manifesto yang termeterai dalam PRN Melaka," katanya ketika berucap pada Perasmian Pembukaan Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka di Seri Negeri, Ayer Keroh, Isnin lalu.

Beliau berkata, janji



TUN Mohd Ali ketika berarak masuk ke Dewan Persidangan Dewan Undangan Negeri Melaka.

Yang Berhormat perlu tunjuk teladan dan matang ketika bersidang - Tun Mohd Ali

SERI NEGERI – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang bersidang perlu mencerminkan teladan dan mempamerkan kematangan sebagai pemimpin sepanjang Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) dijalankan.

Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam berkata, setiap perbalahan yang tidak berkesudahan akan merugikan semua pihak dan sebaiknya perbezaan pendapat perlu ditransformasikan sebagai landasan dalam kerjasama satu pasukan.

"Saya memohon ahli-ahli Yang Berhormat dapat sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni agar menjadi contoh teladan yang baik kepada masyarakat umum serta mencerminkan kematangan pemimpin.

"Dalam menjalani norma baharu, ra-

kyat memerlukan tumpuan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bagi menyelesaikan segala permasalahan.

"Sebagai ADUN apa juga tindakan dan perlakuan sekalian sentiasa menarik perhatian umum," katanya dalam ucapan Perasmian Pembukaan Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka di Seri Negeri.

Tun Mohd Ali berharap persidangan itu berjalan lancar dan teratur selain setiap ahli Yang Berhormat mengamalkan toleransi antara satu sama lain.

"Saya menaruh harapan supaya persidangan kali ini dapat berjalan dengan teratur dan sempurna serta penuh rasa hormat-menghormati antara satu sama lain tanpa mengambil kira ideologi politik masing-masing," tambahnya.



TUN Mohd Ali berucap pada Perasmian Pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri Melaka.

keseluruhan inisiatif itu perlu dicapai dalam matlamat 100 hari, satu tahun, tiga tahun dan lima tahun akan datang perlu dikotakan serta direalisasikan.

"Melalui manifesto pentadbiran negeri dengan tema Kestabilan Demi Kemakmuran menggariskan satu matlamat, lima teras dan 103 inisiatif untuk dilaksanakan bagi memahat kecemerlangan masa depan rakyat dan kegemilangan negeri untuk tempoh lima-tahun akan datang.

"Oleh itu, saya menasihati Ketua Menteri Melaka

dan seluruh barisan kepimpinan kerajaan yang baharu untuk mengambil inisiatif sewajarnya bagi merealisasikan janji tersebut," katanya.

Tun Mohd Ali berkata amanah itu perlu digalas bagi memastikan Melaka mencapai kestabilan bagi menarik pelaburan luar demi pembangunan negeri dan kesejahteraan rakyat.

Katanya, semua barisan kepimpinan negeri, wakil rakyat perlu bekerja keras untuk memahami denyut nadi, membantu dan memenuhi keperluan rakyat.

"Kestabilan politik kekal menjadi faktor dalam pembangunan negeri, tiada pelabur asing akan berminat untuk melabur di negeri Melaka sekiranya politiknya tidak stabil.

"Justeru, saya berharap agar wakil rakyat yang diantik dapat melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diberikan oleh rakyat dengan merangka dasar-dasar pembangunan negeri yang mampu menarik lebih banyak pelaburan ke negeri ini demi pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat Melaka," katanya.

Rancakkan pertanian di Melaka

SERI NEGERI – Kerajaan negeri perlu merancakkan sektor pertanian yang diyakini akan membawa pulangan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Melaka yang semakin menguncup susulan pandemik COVID-19.

Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam mencadangkan pelbagai kajian perlu dilaksanakan bagi menjadikan Melaka sebuah negeri yang berpotensi sebagai hab pertanian berteknologi tinggi.

"Sebagaimana yang semua maklum, KDNK negeri ini menguncup 5.9 peratus pada tahun 2020 akibat penularan COVID-19, tetapi sektor pertanian menunjukkan peningkatan 3.7 peratus.

"Justeru, saya mencadangkan supaya kerajaan negeri menjalankan kajian mengenai potensi negeri menjadi hab industri per-

tanian berkecambah tinggi.

"Ia bagi membekalkan sumber makanan sekali gus membolehkan pengurangan import makanan ke Melaka dan Malaysia," katanya pada ucapan Perasmian Pembukaan Dewan Undangan Negeri Melaka.

Tun Mohd Ali turut menggesa kepimpinan kerajaan negeri yang baharu merangka strategi dan inisiatif pembangunan sektor itu bagi merealisasikan matlamat menuju negeri lestari menjelang tahun 2035.

"Kepimpinan kerajaan dan agensi perlu mempelbagaikan pendapatan rakyat dan negeri menerusi sumber yang terhad. Aset-aset terbiar di negeri ini seperti tanah kerajaan, tanah waqaf dan bangunan terbiar diaktifkan penggunaannya bagi menjana ekonomi yang memberi pulangan kepada pihak berkaitan," katanya.

WAKTU SOLAT

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat seseorang lelaki secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.

28 Februari - 6 Mac 2022 (26 Rejab - 3 Sya'aban 1443H)

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
28 FEBRUARI 2022	6.14 am	7.22 am	1.26 pm	4.40 pm	7.27 pm	8.36 pm
01 Mac 2022	6.14 am	7.22 am	1.26 pm	4.40 pm	7.27 pm	8.36 pm
02 Mac 2022	6.13 am	7.22 am	1.26 pm	4.39 pm	7.27 pm	8.36 pm
03 Mac 2022	6.13 am	7.21 am	1.26 pm	4.39 pm	7.27 pm	8.36 pm
04 Mac 2022	6.13 am	7.21 am	1.25 pm	4.38 pm	7.27 pm	8.36 pm
05 Mac 2022	6.13 am	7.21 am	1.25 pm	4.37 pm	7.26 pm	8.36 pm
06 Mac 2022	6.12 am	7.20 am	1.25 pm	4.36 pm	7.26 pm	8.35 pm

Tingkatkan aspek pendigitalan ke arah bandar raya pintar berteknologi tinggi

Farah Suhaidah Othman

MELAKA – Aspek pendigitalan negeri ini perlu dipertingkatkan dalam usaha mengubah Melaka ke arah bandar rayapintar berteknologi, kata Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam.

Beliau berkata, kerajaan negeri perlu memperkasakan aplikasi pintar, kandungan digital dan analisis data raya negeri untuk meningkatkan tadbir urus serta penyampaian kerajaan negeri.

"Saya difahamkan kerajaan negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah bekerjasama dengan Malaysian Industry-Government Group For High Technology (MIGHT) dalam menyediakan SMART Melaka Bluperint 2035 yang akan diterbitkan pada suku pertama 2022 ini.

"Harapan saya agar dokumen perancangan tersebut dijadikan sebagai rujukan dan diguna pakai oleh semua jabatan dan agensi

untuk menyemarakkan inisiatif pendigitalan negeri Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian pada ucapan Perasmian Pembukaan Persidangan Dewan Undangan Negeri di Seri Negeri, di sini.

Selain itu Tun Mohd Ali berkata kerajaan negeri juga perlu memberi fokus terhadap kerja penambahbaikan infrastruktur telekomunikasi berikutan ia mampu meningkatkan kualiti akses dan kapasiti rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi dengan meningkatkan keupayaan penuh 4G seterusnya mempelopori teknologi 5G.

Jelasnya, kerajaan negeri menerusi agensi kerajaan dapat mengambil peluang dengan menjalin kerjasama dengan rakan-rakan strategik bagi meningkatkan keupayaan sumber sedia ada mahupun meneroka bidang-bidang baharu boleh meningkatkan pendapatan negeri dan rakyat.



YANG di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam bergambar bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) sempena Pembukaan Perasmian Persidangan Dewan Undangan Negeri. Foto Iqmal Haqim Rosman

"Suka juga saya mencadangkan supaya kerajaan negeri memanfaatkan semula status MSC Malaysia Cybercentre@MITC untuk menarik pelaburan dalam bidang berkaitan Industri 4.0, Inter-

net of Things (IOT) dan sebagainya," katanya.

"Kerajaan negeri perlu memberi fokus untuk menarik pelaburan berteknologi tinggi termasuk berkaitan teknologi hijau dan tenaga

boleh diperbaharui yang mampu menyediakan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi bagi menjana pendapatan tinggi kepada rakyat Melaka," katanya.

Dalam pada itu, beliau

turut mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri yang berjaya melaksanakan inisiatif untuk menarik pelaburan berteknologi tinggi seperti teknologi kereta elektrik (EV) ke Melaka baru-baru ini.

Perbaiki taraf kebersihan Melaka sekarang – Mohd Ali

Faiz Hasan

SERI NEGERI – Isu kebersihan di Melaka perlu diperbaiki sekali gus mampu memberi keselesaan dan tarikan kepada pelancong.

Yang di-Pertua negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam berkata usaha itu perlu diperkasa-

kan lagi berikutan negeri ini pernah menjadi negeri contoh dan terkenal sebagai negeri terbersih di negara ini.

Beliau berkata, aspek kebersihan akan menjadikan sesebuah negeri lebih bernilai tinggi kerana menawarkan keselesaan sekali gus menarik perhatian lebih ramai pe-

lancong.

"Mari kita berfikir sejenak, adakah jalan raya, sungai-sungai, kawasan perumahan, taman permainan berada dalam keadaan bersih tanpa sampah sarap berlonggok dan betebaran.

"Saya menggesa kepada semua pihak termasuk rakyat di ne-

geri ini bersama-sama berusaha untuk meningkatkan kegemilangan Melaka seperti mana dahulu terkenal menjadi negeri paling bersih hingga menjadi contoh dan ikutan kepada negeri lain," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan Perasmian Pembukaan Persidangan Dewan Undangan Negeri Melaka di Seri Negeri, di sini.

Dalam pada itu, beliau turut menyarankan aspek kebersihan juga perlu dititik beratkan dalam penjagaan warisan tinggalan sejarah di negeri ini.

Katanya, aspek pembersihan serta pemeliharaan keunikan warisan berkenaan mampu menggamit semula kedatangan pelancong ke Melaka.

"Selain itu, bagi menarik pelancong ke Melaka pelbagai hiasan dan keceriaan lampu-lampu mampu memeriahkan Bandar Melaka melalui pelbagai perayaan yang disambut setiap etnik di negeri ini.

"Malah, dalam fasa pasca COVID-19 pematuhan prosedur operasi standard (SOP) amat penting dalam kalangan penggiat industri termasuk jabatan dan agensi kerajaan untuk menawarkan perkhidmatan mesra serta selamat kepada pelancong.

"Ia perlu dilaksanakan bagi memastikan sektor pelancongan boleh terus beroperasi dengan kepelbagaian aktiviti ekonomi yang menjana pendapatan kepada rakyat tempatan," katanya.



PERASMIAN Persidangan Dewan Undangan Negeri Melaka berjalan dengan lancar.



TYT terima anugerah utama tokoh kepimpinan penerbitan buku negara

Faiz Hasan

AYER KEROH - Yang di-Pertua negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam menerima anugerah utama Anugerah Buku Negara dalam Majlis Intelek Seni: Warisan Peradaban Melayu dan Anugerah Buku Negara 2022.

Beliau menerima anugerah Kategori Tokoh Kepimpinan Penerbitan Buku Negara yang disampaikan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Anugerah Buku Negara, Dr Hasan Hamzah dalam majlis diadakan di Auditorium Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Melaka, di sini, 22 Feb lalu.

Sebagai pendahulu anugerah itu Tun Mohd Ali menerima tengkolok, siji dan piala iringan.

Seramai 30 individu membabitkan penulis yang telah berjasa menerbitkan buku di Melaka menerima Anugerah Buku Negara 2022 kali ini.

Program diadakan itu bertujuan melestarikan seni budaya dalam situasi pandemik dan menyampaikan mesej berkaitan nilai murni, falsafah budaya nilai tinggi, penghayatan nilai peradaban Melayu dan pembudayaan ilmu.



TUN Mohd Ali Mohd Rustam (dua dari kiri) menerima anugerah utama dalam kategori Tokoh Kepimpinan Penerbitan Buku Negara pada majlis Intelek Seni: Warisan Peradaban Melayu dan Anugerah Buku Negara 2022. Foto MR. Azli

Kit RTK Melaka lebih murah

Siti Salehah

ALOR GAJAH - Perbadanan Bioteknologi Melaka (PBM) mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) untuk mengedar dan menjual Kit Ujian Pantas (RTK) Antigen COVID-19.

EXCO Kesihatan negeri Dr Muhamad Akmal Saleh berkata, kelulusan daripada MDA itu diperolehi hari ini dan kerajaan negeri dijangka akan mengedarkan kit terbabit untuk jualan dalam tempoh masa terdekat.

"Berita baiknya adalah kit ujian yang kita hendak jual itu sudah mendapat kelulusan daripada MDA, PBM akan mengambil tanggungjawab untuk edar dan jual dipasaran.

"Ia akan berada dipasaran

dalam tempoh seminggu atau dua dan harganya akan diumumkan oleh Ketua Menteri. Selain itu ia dijangka akan dijual lebih murah berbanding harga siling ditetapkan padamasa kini iaitu RM4.90 untuk setiap unit," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Program Imunisasi COVID-19 Kanak-kanak (PICKids), di Hospital Alor Gajah, 22 Feb lalu.

Menurutnya kelulusan yang diberikan MDA, dijangka mampu menampung permintaan yang tinggi di pasaran pada masa kini.

"Kita tidak boleh jual dalam tinggi mungkin ada jumlah yang ditetapkan tetapi sekurang-kurangnya dapat memberikan sedikit kelegaan kepada rakyat.

"Malah senarai premis yang

bakal menjualnya akan dimaklumkan nanti, mungkin akan kerjasama dengan farmasi terpilih," katanya.

Dr Muhamad Akmal berkata, jumlah kit ujian akan diedarkan oleh PBM di pasaran sekitar Melaka belum diketahui.

Sementara itu, beliau berkata, sejak dimulakan PICKids 8 Feb lalu sebanyak 23 peratus kanak-kanak yang layak sudah menerima suntikan vaksin COVID-19.

"Melaka adalah negeri tertinggi dalam pemberian vaksin kepada kanak-kanak antara lima hingga 11 tahun.

"Saya jangka sempena cuti sekolah nanti jumlah itu akan meningkat dan kita dapat capai sasaran 50 peratus kanak-kanak divaksin menjelang pertengahan Mac nanti," katanya.



DR Muhamad Akmal Program Imunisasi COVID-19 Kanak-kanak (PICKids), di Hospital Alor Gajah.

Rasai pengalaman budaya Melayu Asli

ALOR GAJAH - Bagi menghidupkan kembali adat-adat tradisi Melayu asli semakin ditelan zaman, kerajaan negeri menerusi Institut Warisan Melaka (INSWA) merancang melaksanakan pelbagai aktiviti kebudayaan di Balai Adat

Perkahwinan Melaka Asli sepanjang tahun ini.

EXCO Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan negeri, Datuk Muhamad Jailani Khamis berkata, perancangan itu dimulakan dengan pengambilalihan lokasi yang

dahulu Muzium Adat Istiadat daripada Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM).

Katanya, sesuai dengan nama balai adat perkahwinan Melayu asli, ia tidaklah tertumpu hanya untuk penganjuran majlis perkahwinan sahaja.

"Balai Adat ini adalah lokasi tarikan pelancongan baharu bagi Melaka, di sini kita juga akan memperkembangkan pelancongan kuliner iaitu makanan tradisional Melayu asli.

"Komuniti di Alor Gajah ini ramai daripada suku Minang dan lebih kepada adat Perpatih. Jadi balai adat ini akan lebih menengahkan makanan, adat istiadat Minang dan Perpatih.

"Sepanjang setahun ini, pelbagai aktiviti warisan melibatkan adat dan budaya akan dianjurkan, jadi pengunjung atau sesiapa sahaja ingin membuat majlis mengikut adat Melayu asli boleh hubungi INSWA untuk merasai sendiri adat-adat yang selama ini hanya dibaca menerusi bahan bacaan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas merasmikan Balai Adat Perkahwinan Melayu Asli di Dataran Keris, di sini, 24 Feb lalu.



BALAI Adat Perkahwinan Melayu Asli Melaka di Dataran Keris, Alor Gajah, Melaka



Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam menghadap Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, di Istana Alam Shah, Klang, Selangor.




SULTAN Sharafuddin Idris Shah Alhaj berbincang bersama Tun Mohd Ali (kiri) dan Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali (tengah).



TUN Mohd Ali (kiri) melihat koleksi peribadi Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj (tiga kiri) sambil diperhatikan Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin Abdul Rahman (kanan) dan Sulaiman (dua dari kiri).

Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar terima menghadap Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam di Balai Mengadap Istana Bukit Serene, Johor Bahru, Johor.



SULTAN Ibrahim (tengah) bersama Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah, bergambar bersama Tun Mohd Ali, Sulaiman, Datin Munira M Yusop (kanan) serta Toh Puan Asmah Abd Rahman (kiri).



SULTAN Ibrahim berkata sesuatu kepada EXCO Perindustrian, Pelaburan dan Pembangunan Usahawan negeri Datuk Seri Ab Rauf Yusoh (kiri) sambil diperhatikan Tun Mohd Ali.



SULAIMAN (kanan) berkata sesuatu kepada Sultan Ibrahim sambil diperhatikan Tun Mohd Ali.



SULTAN Ibrahim menerima menghadap Tun Mohd Ali yang diiringi Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali di Balai Mengadap Istana Bukit Serene.

SLIP diperluaskan atasi kesesakan lalu lintas Melaka

Faiz Hasan

BANDARAYA MELAKA

- Penggunaan Sistem Lampu Isyarat Pintar (SLIP) akan terus diperluaskan di laluan utama di negeri ini bagi membantu penguraian kesesakan lalu lintas terutama pada waktu puncak dengan lebih berkesan.

Ketua Jurutera Elektrik Negeri (KJEN) Jabatan Kerja Raya (JKR), Ir Saiful Zuhaimi Ahmad berkata, projek membabitkan lampu isyarat sepanjang kira-kira 17 kilometer (km) akan diperluaskan di Lebuhraya Sungai Udang-Paya Rumpit-Ayer Keroh (SPA) bermula Mac ini.

Jelasnya, sistem menggunakan kaedah 'Synchronize Green Wave' (SGW) membabitkan 10 persimpangan di Lebuhraya SPA bermula dari Sungai Udang hingga ke persimpangan depoh terminal kenderaan berat berdekatan pintu masuk kawasan Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC).


"Projek itu akan dimulakan pada Mac depan dan dijangka akan beroperasi menjelang Jun atau Jul tahun ini membabitkan peruntukan RM250,000.

"SLIP antara projek dibangunkan di Melaka selapas kedua fasa dibangunkan di sepanjang kira-kira 43km di Lebuhraya Alor Gajah-Melaka Tengah-Jasin (AMJ).

"Bagi Fasa 1, sebanyak sembilan persimpangan di AMJ telah dibangunkan bermula dari persimpangan Cheng hingga ke Melaka Sentral pada 2019 dan bagi Fasa kedua ia diperluaskan pada tahun berikutnya dengan tambahan 19 persimpangan bermula dari persimpangan berdekatan Balai Polis Simpang Ampat sehingga ke Umbai," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Hadir sama, Jurutera Elektrik JKR, Mohd Fithrie

"Projek ini akan dimulakan pada Mac depan dan dijangka akan beroperasi menjelang Jun atau Jul tahun ini membabitkan peruntukan RM250,000."



FITHRIE menunjukkan data yang diterima akan menganalisis setiap maklumat dari jalan raya dan turut dihantar menerusi aplikasi Telegram.



SAIFUL

Hisnin.

Mengulas lanjut, kejayaan itu merupakan kesinambungan daripada pelaksanaan awalnya apabila Lebuhraya Ayer Keroh dijadikan kawasan pertama menerima manfaat itu pada tahun 2018.

Katanya, sebanyak tujuh persimpangan telah dibina sistem berkenaan dan dikawal menerusi Pusat Kawalan SLIP di pejabat JKR negeri.

"Kesemua sistem ini dikawal dari pusat ini dan menggunakan teknologi kepintaran pembuatan (AI) untuk mengesan laluan kenderaan di setiap lampu isyarat yang dipasang SGW," katanya.

Sementara itu, Mohd



FITHRIE

Fithrie berkata, SLIP akan dikendalikan tiga kakitangan dalam jabatan itu yang sentiasa peka dengan lalu lintas terutama pada waktu puncak dan cuti umum.

"Gegelung pengesanan yang dipasang dalam jalan raya akan mengesan dan mengira berapa banyak kenderaan yang melaluinya dan terus menghantar maklumat ke pusat.

"Dari pusat kawalan kita akan melihat kawasan mana yang sesak dan akan membuka laluan dan memberi keutamaan bagi memastikan penguraian trafik dilancarkan sekali gus mengelakkan pengguna jalan raya berada terlalu lama di sepanjang kesesakan berlaku," katanya.



YAYASAN MELAKA KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa di kalangan syarikat-syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, berpengalaman dan berkelayakan dalam kod bidang yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi perkhidmatan berikut:-

TAJUK KERJA	SYARAT PENDAFTARAN / KOD BIDANG	(TARIKH/ MASA/ TEMPAT)		
		LAWAT TAPAK	PENJUALAN DOKUMEN	TENDER TUTUP
PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMASANG, MENGONFIGURASI, MENGUJI DAN MENTAULIAH SEUNIT SERVER STORAN SERTA SISTEM APLIKASI DAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN ICT MILIK YAYASAN MELAKA BAGI TEMPOH 3 TAHUN	KEMENTERIAN KEWANGAN 210101 DAN 210102 DAN 210103 DAN 210104	8 Mac 2022 (Selasa)	8 Mac 2022	22 Mac 2022 (Selasa)
		10.30 pagi	hingga 15 Mac 2022	12.00 Tengahari (dokumen lewat tidak akan dipertimbangkan)
Sebutharga Bil. 4/2022 (B)	(Bekalan dan Pehidmatan bagi sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi)	Di Bangunan Wisma Yayasan Melaka, Jalan Hang Tuah, Melaka (sebelah UTC Melaka)	Unit Harta, Bangunan dan Penyelenggaraan Yayasan Melaka, Bangunan Yayasan Melaka, MITC, Hang Tuah Jaya, Melaka.	Peti Sebutharga Yayasan Melaka, Bangunan Yayasan Melaka, MITC, Hang Tuah Jaya, Melaka.

1. Bagi sesi lawatan dan taklimat sebutharga, kehadiran adalah diWAJIBkan dan hanya satu (1) orang wakil bagi setiap syarikat sahaja dibenarkan masuk ke dalam ruangan taklimat tersebut. Kegagalan pihak syarikat menyertai taklimat tersebut akan menyebabkan penyertaan syarikat DITOLAK.
2. Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada pemilik/wakil syarikat yang sah dan diberikuasa dengan membawa perakuan/sijil ASAL dan SALINAN Kementerian Kewangan Malaysia
3. Pemilik/wakil syarikat yang hadir lawatan tapak, pembelian dokumen sebutharga dan urusan berkaitan hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 dengan mematuhi *Standard of Procedure (SOP)* berikut:-
 - a) Sentiasa memakai pelitup muka (face mask);
 - b) Menggunakan sanitasi tangan (hand sanitiser);
 - c) penjarakan sosial sejauh 1 meter.

'Gerun' lihat UPB

BUKIT KATIL - "Provokasi dan kata makian sudah menjadi 'makanan' kami ketika berdepan pemandu yang tidak berpuas hati apabila dikesan melakukan kesalahan," itu pengalaman dikongsi anggota Unit Penguatkuasaan Bermotosikal (UPB) Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Md Faizal Shaari.

Pembantu Penguat Kuasa Kanan itu berkata, meskipun jelas melakukan kesalahan seperti tidak memakai tali pinggang keledar ataupun memotong barisan ramai dalam kalangan pengguna jalan raya enggan mengakui perbuatan mereka dengan memberikan pelbagai alasan hingga ada yang mencetuskan suasana tegang.

Katanya, anggota penguat kuasa bertugas menggunakan kelengkapan canggih seperti sistem 'Smart Enforcement Device' (SmED) dan 'Enforcement Action Camera' (AEC) bagi merekod setiap kesalahan dikesan.

Menurutnya, UPB difokuskan untuk melakukan penguatkuasaan membabitkan tujuh kesalahan utama iaitu memandu di lorong kecemasan, tidak mematuhi lampu isyarat, memotong garisan berkembar, memotong barisan, menggunakan telefon bimbit ketika memandu, tidak memakai tali pinggang keledar dan memandu secara berterusan di lorong kanan bagi kenderaan perkhidmatan awam.

"Setiap hari kami akan keluar menjalankan operasi rondaan meskipun cuaca hujan. Bagi tujuh kesalahan terbabit setiap saman bernilai RM300 dan tidak ada diskaun ditawarkan.

"Hasil operasi rondaan dijalan-

kan setiap hari kami pada kebiasaan mengeluarkan kira-kira 40 saman, kesalahan paling kerap dikesan setakat ini adalah membabitkan tali pinggang dan penggunaan telefon bimbit," katanya.

Md Faizal berkata, ada juga dalam kalangan pengguna jalan raya yang 'gerun' melihat kelibat anggota UPB sehingga bertindak melarikan diri meskipun cuma melakukan kesalahan kecil.

"Kerap juga bila sampai di persimpangan lampu isyarat

seperti di lampu isyarat apabila nampak kami walaupun tidak melakukan kesalahan mereka akan larikan diri seperti lakukan kesalahan besar dan apabila kami kejar dapat kesalahan dilakukan cuma tiada cermin sisi, cuma kesalahan remeh.

"Walaupun begitu jika pemandu atau penunggang terlalu agresif dan masuk ke kawasan sekolah atau taman perumahan kita tidak akan kejar sebaliknya hanya cuba dapatkan nombor pendaftaran sebelum memanggil pemiliknya untuk tampil membantu siasatan," katanya.

Ujarnya, dengan teknologi tinggi yang dibekalkan kepada UPB ia akan merakam pelbagai kesalahan yang mana video dan saman akan terus ke sistem JPJ tanpa perlu mengambil masa yang lama.

"Kami akan terus memantapkan penguatkuasaan undang-undang bagi memastikan setiap pengguna jalan raya dapat mematuhi sekaligus dapat mengelak dari berlakunya kemalangan," katanya.



UNIT Penguatkuasaan Bermotosikal (UPB), Asni Zakaria menggunakan alat 'Smart Enforcement Device (SmED)' bagi tujuan penguatkuasaan. Foto MR. Azli



UNIT Penguatkuasaan Bermotosikal (UPB) menggunakan Enforcement Action Camera (EAC) bagi tujuan penguatkuasaan. Foto MR. Azli

70 peratus 'abang rider' langgar lampu isyarat

Siti Salehah

BUKIT KATIL - Penunggang motosikal khidmat penghantaran makanan (p-hailing) merekodkan peratusan tertinggi melakukan kesalahan melanggar lampu isyarat yang dikesan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Melaka.

Pengarahnya, Muhammad Firdaus Shariff berkata, kira-kira

70 peratus saman yang dikeluarkan pihaknya sejak 2020 hingga 10 Feb lalu bagi kesalahan tidak patuh lampu isyarat membabitkan penunggang p-hailing.

Menurutnya, perkembangan itu agak membimbangkan kerana ia bukan hanya melibatkan satu pihak sahaja malah merisikokan keselamatan pengguna jalan raya yang lain.

"Berbanding kenderaan persendirian, p-hailing berada di tempat paling atas. Kebiasaan alasan yang diberikan apabila ditahan mereka mengatakan hendak cepat, kejar trip (pesanan pelanggan) dan tidak perasan, sepatutnya perkara ini tidak berlaku.

"Memang betul pendapatan mereka bergantung kepada trip dan masa tempahan dihantar, te-

tapi dengan kadar upah itu tidak berbaloi jika berlakunya sesuatu kejadian tidak diinginkan.

"Malah jangan biarkan orang lain atau pengguna jalan raya lain menjadi mangsa. Pandulah secermat yang mungkin demi keselamatan semua," katanya.

Katanya, penguatkuasaan oleh JPJ adalah menerusi operasi secara berkala dengan menggunakan dua cara iaitu secara aktif dan pasif.

Selain itu katanya JPJ Melaka mengenal pasti 20 lokasi 'hot spot' (lokasi panas) mencatatkan jumlah kesalahan jalan raya paling tinggi dilakukan penunggang dan pemandu.

"Penguatkuasaan secara aktif bermaksud mengadakan rondaan dan sekatan jalan raya, manakala pasif pula penyamaran anggota penguatkuasaan di lokasi tumpuan atau hot spot dikenal pasti antaranya di Cheng, Taman Saujana

serta Bukit Katil.

"Meskipun dikenal pasti sebagai hot spot tidak bermakna di lokasi lain kita tidak melakukan penguatkuasaan, masih ada. Malah melalui penyamaran kita banyak dapat mengesan kesalahan yang dilakukan oleh penunggang dan pemandu termasuk memotong barisan," katanya.

Muhammad Firdaus berkata, pemandu dan penung-

gang motosikal perlu mengubah mentaliti serta kembali kepada pembelajaran asal ketika mengikuti kelas pemanduan.

"Nasihat saya kita ubah mentaliti, balik kepada pembelajaran asal di sekolah memandu, ketiga-tiga lampu isyarat itu ada fungsi tersendiri contohnya apabila bertukar kepada warna kuning ia proses untuk kita memberhentikan kenderaan bukannya ruang atau peluang untuk memecut, itu yang perlu diterapkan balik, katanya.



PENGARAH Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) negeri, Muhammad Firdaus Shariff (kiri).



PENGARAH Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) negeri, Muhammad Firdaus Shariff. Foto: MR. Azli

N02 - TANJUNG BIDARA

Rumah Prihatin 7 keluarga siap 40 peratus

Faiz Hasan

TANJUNG BIDARA - Rumah Prihatin yang dibina buat tujuh keluarga dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjung Bidara kini sudah 40 peratus siap.

Setiausaha JAPERUN Tanjung Bidara, Ahmad Warid Ismail berkata, pembinaan Rumah Prihatin membabitkan keluarga terpilih di DUN berkenaan.

"Hasil lawatan bersama Penghulu, Azizan Daud mendapati rumah berharga RM40,000 seunit itu rancak dibina dan bakal didiami keluarga terlibat.

"Perjalanan proses pembinaan rumah masih dalam keadaan memuaskan dan diharap ia dapat disiapkan bagi memberi 'syurga baharu' buat keluarga berkenaan," katanya.

FOKUS
DUN

LAWATAN tapak ke projek Rumah Prihatin di DUN Tanjung Bidara.

N01 - KUALA LINGGI

Anak 'kolinggi' perlu jinak-jinak bertani

KUALA LINGGI - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Linggi, Rosli Abdullah menyarankan anak jati kawasan itu menceburkan diri dalam bidang pertanian.

Beliau berkata, bidang pertanian masa kini menjanjikan pendapatan lumayan kepada pengusaha yang bijak mengambil peluang.

Katanya, Jabatan Pertanian negeri tidak berhenti-henti membantu golongan yang memerlukan bimbingan dalam sektor itu.

"Pihak Jabatan Pertanian tak henti-henti beri bimbingan kepada anak muda kita, ban-

tuan dalam bentuk peralatan juga diberikan agar petani boleh terus mengembangkan lagi perusahaan mereka.

"Saya harap lebih ramai anak muda DUN ini memanfaatkan peluang ini, tanah kosong di DUN banyak yang belum diusahakan. Sudah jadi semak samun. Elok jugak kalau ditanam rock melon.

"Datanglah ke Kampung Permatang, tengok dulu proses penanaman rock melon. Nanti boleh diusahakan sendiri," ujarnya dalam hantarannya di laman Facebook.



ROSLI menyerahkan Geran Agropreneur Muda kepada pengusaha tanaman Rock Melon Sayed Eryas Normayuddin Sayed Alias.

N03 - AYER LIMAU



DUA pasukan layak ke final Pertandingan Futsal Tertutup Parlimen Masjid Tanah 2022.

32 pasukan 'jaguh kampung' rebut gelaran juara

AYER LIMAU - Sebanyak 32 pasukan futsal merebut gelaran juara dalam Pertandingan Futsal Tertutup Parlimen Masjid Tanah 2022.

Ketua Pemuda UMNO Bahagian Masjid Tanah, Abd Hakim Abd Wahid berkata, pertandingan itu disertai anak muda dari lima kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan berkenaan.

Katanya, program itu menerima sambutan dari penyertaan anak muda berusia 18 tahun merebut gelaran 'jaguh kampung' di Gelanggang Futsal Paya Rumpit.

"Dalam pertandingan ini empat peringkat hadiah ditawarkan dengan RM700 serta buat Johan, diikuti RM500 buat naib johan, RM300 bagi tempat ketiga dan RM150 untuk keempat.

"Kesemua pemenang juga akan diberikan medal bagi pertandingan yang berlangsung ini," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Terdahulu program yang berlangsung sejak jam 8 pagi itu akhirnya menjadikan dua pasukan dibawa ke peringkat akhir membabitkan pasukan dari Paya Rumpit dan Taman Permai.

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315 FAX : 06 - 251 9316

KETUA KANDUNGAN
MOHD SALMAN HAMAT
Salmanhamat@melakaharini.my

PENGARANG
MOHD FAZLIL ABDUL MAJID
fazul@melakaharini.my

PENGARANG DIGITAL
FARAH SUHAIDAH OTHMAN
farahothman@melakaharini.my

JURUFOTO KANAN
AZREN JAMALUDIN
m.azren86@gmail.com

JURUFOTO
IQMAL HAQIM
ROSMAN
iqmalhaqimrosman@gmail.com

SITI SALEHAH AL-QADRAWI
sitisalehah@melakaharini.my

WARTAWAN

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharini.my

LIANA SAHABUDIN
lilyann90@melakaharini.my

FIQA JAMAL
norafiqhajamal93@gmail.com

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharini.my

MIMIE AZURA
ABU BAKAR
mimieazura1981@melakaharini.my

IT SUPPORT

PEGAWAI TEKNOLOGI
MAKLUMAT
ABDUL JALIL JAMAR
abduljaliljamar@gmail.com

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharini.my
018 - 329 9936

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izaidah363@gmail.com

SHARIFAH NORKHALIDAH
SYED KHAIDZIR
khalidah@melakaharini.my

MELAKA TV

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAIKAL
farishaiikal.zakaria@melakaharini.my

JURUVIDEO
MOHD ZAIDI YAACOB
drzack35@gmail.com

PUTRA DANIAL RIZAI
putradanial182@gmail.com

JURUVIDEO
& PENYUNTING VIDEO
AUFU IZZATI
AHMAD ZAILANI
aufalzzati98@melakaharini.my

PENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharini.my

HASBULLAH BIN AZHAR
bumeskobar@gmail.com

N04 - LENDU

Lendu bakal keluarkan produk musang king, sarang burung walit



Farah Suhaidah Othman

PUCHONG - Yayasan Melaka menandatangani perjanjian usahasama bersama Syarikat Homewise Construction (Melaka) Sdn Bhd di PT Swift Marketing Sdn Bhd di Bandar Puteri, Puchong, Selangor, 21 Feb lalu.

Majlis menandatangani perjanjian itu disaksikan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Dalam majlis berkenaan, Yayasan Melaka diwakili Ahli Lembaga Pengarahnya, Encik Mohamad Azmi Sabtu dan Tuan Haji Mohd Faruk Mohd Sultan; manakala Homewise Construction (Melaka) Sdn Bhd diwakili oleh Pengarah Urusannya, Datuk Wira Tai Chee Ming dan Pengerusinya, Datuk Dr. Abd Aziz Jamaluddin.

Menerusi catatan Facebook peribadinya, Sulaiman berkata majlis menandatangani perjanjian itu adalah susulan daripada mesyuarat kerajaan negeri yang dijalankan pada 13 Okt lalu.

"Majlis menandatangani JV (perjanjian usaha-

sama) ini adalah susulan Mesyuarat Jawatankuasa Pe-laburan/ Projek Yayasan Melaka Bil 1/2020 pada 13 Oktober 2020 yang bersetuju supaya Yayasan Melaka membangunkan tanah secara usahasama antara YM dan Syarikat Homewise Construction (Melaka) Sdn Bhd di Mukim Lendu, Melaka.

"Perjanjian usahasama ini termasuklah pajakan tanah bagi tanaman durian musang king, pembangunan dengan pembinaan perumahan secara 'Design and Build, serta pembangunan kilang dijadikan tapak pemprosesan makanan berasaskan durian musang king dan sarang burung walit.

"Semoga kerjasama yang dimeterai ini membawa anjakan baharu buat Yayasan Melaka dalam mempelbagaikan sumber pendapatan kepada syarikat, seterusnya menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Negeri Melaka," katanya.

Terdahulu, Sulaiman dan rombongan turut dibawa melawat kilang pemprosesan sarang burung walit di kawasan berkenaan.



SULAIMAN (dua dari kanan) ketika melawat kilang pemprosesan sarang burung walit.

N06 - REMBIA

Jailani tunai janji manifesto Rembia

Fiqa Jamal

REMBIA - Menuju 100 hari pencapaian selepas memenangi Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka yang lalu, hampir kesemua manifesto di Dewan Undangan Negeri (DUN) Rembia telah berjaya dicapai.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rembia, Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, pencapaian itu telah dilaksanakan sejurus selepas kemenangannya di kawasan itu.

Katanya, hanya satu sahaja manifesto yang belum tercapai iaitu untuk membangunkan perumahan dalam DUN Rembia.

"Namun kita jangkakan dalam tempoh dua tahun kita akan membina perumahan mampu milik khas buat warga Rembia.

"Rata-rata saya tidak menjanjikan bulan dan bintang, manifesto saya mudah untuk ditepati, memberi tuisyen percuma sedang dilaksanakan, memberi infrastruktur yang baik kepada penduduk Rembia telah dan ada yang masih dijalankan.

"Dan secara holistik, kebajikan penduduk DUN Rembia saya utamakan dan syukur, tidak ada satu pun tercicir dalam isu kebajikan, semua adil terima bantuan," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Muhammad Jailani yang juga EXCO Pelancongan Negeri berkata, antara yang dirancang pada masa ini adalah menyiapkan bantuan Ihya Ramadan akan datang.

"Sebanyak 25 surau dan lima masjid akan disampaikan bantuan dan kini sedang membuat persiapan menyambut ramadan yang semakin menghampiri," katanya.



MUHAMMAD Jailani (tengah) ketika melawat tapak rumah salah seorang penduduk DUN Rembia yang akan dibaik pulih ketika Ziarah Kasih Dun Rembia baru-baru ini.

N05 - TABOH NANING



ZULKIFLEE menyampaikan sumbangan daripada Bank Rakyat kepada asnaf terjejas banjir.

Golongan asnaf takkan dilupakan

Faiz Hasan

TABOH NANING - Meskipun sudah beberapa bulan berlalu, golongan asnaf terkesan akibat bencana banjir awal tahun ini dan Dis lalu tidak dilupakan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taboh Nanning, Zulkiflee Mohd Zin berkata, tiga keluarga asnaf yang terjejas teruk akibat

bencana itu telah dikenal pasti pihaknya dan diberikan bantuan sumbangan Bank Rakyat.

Jelasnya, bantuan berjumlah RM500 disampaikan kepada tiga keluarga berkenaan di Pejabat JAPERUN Taboh Nanning, baru-baru ini.

"Ketika bencana banjir rumah asnaf ini ditenggelami air berikutan lokasinya yang berhampiran

dengan sungai.

"Alhamdulillah bantuan ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan bebanan tiga keluarga yang menetap di Melekek Luar, Taboh Nanning dan Sungai Buloh," katanya.

Beliau turut berterima kasih kepada Bank Rakyat yang sudi-tampil menghulurkan bantuan kepada keluarga berkenaan.

N08 - MACHAP JAYA

20 murid terima bantuan persekolahan



Farah Suhaidah Othman

MACHAP JAYA - Prihatin dengan nasib keluarga kurang berkemampuan, Puteri UMNO Bahagian Alor Gajah tampil menghulur bantuan kepada 20 murid yang bakal memulakan sesi persekolahan Mac ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machap Jaya Ngwe Hee Sem berkata, inisiatif yang dilakukan menerusi program Back To School itu bagi meringankan beban keluarga murid yang terkesan akibat COVID-19.

Katanya, bantuan itu sekali gus mampu menyuntik semangat murid terabit untuk kembali ke sekolah apabila sesi baharu tahun ini dibuka semula pada penghujung bulan hadapan.

"Penerima bantuan terdiri daripada murid sekolah rendah yang datang daripada keluarga susah, jadi inisiatif dilakukan Puteri UMNO Bahagian Alor Gajah sangat baik bagi mengurangkan beban mereka.

"Saya sempat berpesan supaya anak-anak yang menerima bantuan itu supaya belajar bersungguh-sungguh untuk mengubah nasib keluarga," katanya ketika dihubungi.

FOKUS DUN



HEE Sem (dua dari kanan) menyampaikan bantuan peralatan sekolah kepada murid sekolah rendah dalam Program Back To School anjuran Puteri UMNO Bahagian Alor Gajah.

N09 - DURIAN TUNGGAL



ZAHARI (tengah) ketika meninjau aduan penduduk di Pekan Durian Tunggal, baru-baru ini.

Sekolah baharu buat warga Durian Tunggal

Siti Salehah

DURIAN TUNGGAL - Sebuah sekolah menengah baharu dirancang akan dibina di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Durian Tunggal, di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Durian Tunggal, Zahari Abd Khalil berkata, setakat ini DUN itu cuma mempunyai sebuah sekolah dan penambahbaikan kemudahan sama penting selaras dengan peningkatan jumlah penduduk.

"Semakin banyak taman perumahan dibina, jadi jumlah pelajar akan bertambah sekarang ini kita di peringkat menyediakan kertas kerja untuk memohon

dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

"Malah kawasan juga kita sudah kenal pasti berdekatan Sekolah Kebangsaan Parit Melana," katanya.

Beliau berkata, satu lagi projek untuk kemudahan rakyat sedang dilaksanakan adalah pembinaan jalan pintas baharu bagi kemudahan penduduk setempat selain mengelakkan kesesakan di pekan Durian Tunggal.

"Jalan pintas ini dibina dari Persimpangan Jalan Alor Gajah Lama ke Taman Murai Jaya dan kerja pembinaan kini sudah berjalan kira-kira 30 peratus," katanya.

N07 - GADEK

Pemberian kit makanan diteruskan

Norizan Abdul Muhid

GADEK - JAPERUN Gadek meneruskan pemberian kit makanan keperluan asas seperti beras, gula dan minyak kepada penduduk yang memerlukan khususnya golongan B40 di kawasan itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gadek, V.P Shanmugam berkata, pengagihan kit makanan itu diadakan dari semasa ke semasa dan tidak hanya rancak sewaktu dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menurutnya, usaha itu bertepatan dengan keperluan penduduk DUN Gadek yang sebahagian besarnya atau kini mencapai lebih 50 peratus dalam kalangan B40.

"Misalnya kali ini, program penyerahan kit makanan kepada 46 keluarga telah memasuki program yang ke-15 sejak saya dilantik sebagai ADUN di kawasan ini.

"Selain program di JAPERUN Gadek, kita juga mengedarkan kit makanan kerumah penduduk yang dikuarantin melalui info yang disalurkan oleh Jawatankuasa Pembangunan

dan Keselamatan Kampung (JKKK)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan kit makanan berupa barangan keperluan asas kepada ibu tunggal, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) di Japerun Gadek baru-baru ini.

Selain bantuan daripada Japerun Gadek, kit makanan turut disumbangkan oleh Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Alor Gajah yang diketuai oleh Pengerusinya, Zaidi Mohd.

Selain itu menurut Shanmugam, usaha itu diharap dapat membantu meringankan beban penduduk yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

"Kebanyakan penduduk yang diberi bantuan kit makanan ini terdiri daripada ibu tunggal, warga emas dan ketua keluarga yang hilang punca pendapatan.

"Kita percaya masih ramai penduduk Gadek terkesan akibat pandemik COVID-19 dan kumpulan B40 ini sememangnya memerlukan bantuan," katanya.



Shanmugam menyerahkan sumbangan kit makanan kepada warga emas sambil diperhatikan oleh Zaidi (dua dari kanan) di Japerun Gadek, Alor Gajah baru-baru ini.

Asahan destinasi pelancongan sukan ekstrem



N10 - ASAHAN

FAIRUL Nizam (dua dari kiri) menunjukkan batu sempadan Melaka-Negeri Sembilan di puncak Bukit Gapis Gunung Melaka.

Faiz Hasan

ASAHAN - Bukit Gapis akan terus dimajukan sebagai kawasan tumpuan rekreasi dan sukan ekstrem sekali gus bakal menjadi lokasi tumpuan pelancongan baharu di Melaka.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Asahan Fairul Nizam Roslan berkata, pelbagai pelan pembangunan kini sedang dinilai pihak terlibat bagi membangunkan kawasan yang dikenali sebagai Gunung Melaka itu.

Katanya, kawasan yang merupakan puncak tertinggi di Melaka akan terus diperkenalkan dengan pelbagai tarikan baharu sekali gus mampu menarik pelancong dan peminat sukan ekstrem terutama pendaki di kawasan berkenaan.

Jelasnya, setakat ini menerusi Jabatan Perhutanan Negeri Melaka permohonan bagi membangunkan semula Jeram Tok Janggut yang terletak di kawasan itu sedang dinilai Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).

"Kita telah ada pelan perancangan itu dan kini berada di peringkat MOTAC malah kita pun akan merancang untuk membina satu trek bagi sukan lasak iaitu kenderaan ATV ke puncak Bukit Gapis.

"Untuk itu kita akan minta sokongan Jabatan Perhutanan dan malim gunung untuk kita kenal pasti trek yang sesuai di kawasan ini," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Terdahulu, kira-kira 60 peserta terdiri dari penduduk jati kawasan berkenaan telah mengikuti kembara pendakian puncak tertinggi di Melaka itu menerusi Program ke PUNCAK bersama Along.

Program diadakan di Kampung Mantai kali ini disertai oleh pelbagai golongan peringkat umur termasuk wanita dan warga emas telah dibantu 10 malim gunung terlibat.

Melaka Hari Ini turut tidak terlepas dalam menyertai pendakian selama kira-kira dua jam itu membabitkan lebih 3 kilometer sebelum tiba ke bukit setinggi 486 meter dari aras laut tersebut.

N13 - PAYA RUMPUT

Bantuan bencana kepada 44 rumah rosak akibat ribut akan disegerakan

Fiqa Jamal

PAYA RUMPUT - Permohonan bantuan bencana kepada pemilik 44 buah rumah yang rosak dalam kejadian hujan ribut pada 21 Feb lalu telah disegerakan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Rumput, Datuk Rais Yasin dalam pautan di Facebook rasminya memaklumkan beliau berkesempatan untuk meninjau keadaan rumah-rumah yang terabai dalam bencana tersebut.

Dalam kenyataannya itu, beliau turut mendoakan agar semua mangsa yang terjejas untuk bersabar dengan dugaan yang menimpa.

"Saya berkesempatan turun padang bersama Penghulu Firdaus dan wakil JAPERUN Paya Rumput untuk meninjau hampir 44 buah rumah yang rosak kerana hujan ribut yang melanda.

"Turut serta adalah Ahli Majlis MBMB, Pengerusi JPCK bagi kampung terlibat dan Ketua-Ketua UMNO Cawangan. Semoga seluruh ahli keluarga bagi rumah yang terkesan bersabar dengan dugaan yang melanda ini.

"Saya telah mengarahkan agar permohonan bantuan bencana ini dapat disegerakan," katanya.



ZINK roboh akibat bencana ribut yang berlaku pada penduduk dalam kawasan DUN Paya Rumput baru-baru ini.

N12 - PANTAI KUNDOR



TUMINAH (dua dari kanan) diberi penerangan tentang operasi babi hutan yang dijalankan Jabatan PERHILITAN Melaka.

Banjir punca babi hutan banyak masuk kampung

Mohamad Fazrul Abdul Majid

PANTAI KUNDOR - Banjir besar yang melanda negeri pada penghujung 2021 dan awal tahun ini dipercayai menjadi antara punca berlaku peningkatan jumlah babi hutan yang memasuki kampung-kampung di sekitar Pantai Kundor.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor Tuminah Kadi berkata, faktor banjir mungkin menjadi penyebab spesies perosak itu keluar dari sarang mereka di kawasan hutang dan memasuki kawasan penempatan penduduk yang dipercayai mempunyai banyak bekalan makanan.

Bagaimanapun, katanya, menerusi bantuan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Melaka, pihaknya kini telah berjaya mengurangkan kes ancaman babi hutan dengan menjalankan operasi menembak secara berkala, selain pemasangan perangkap.

"Alhamdulillah setakat pertengahan Feb ini, sebanyak 49 ekor babi hutan telah ditembak dan ada yang memasuki per-

angkap.

"Buat masa ini, kita beri tumpuan kepada tiga kawasan iaitu di Tanjung Kling, Kampung Gelam dan Kampung Tanah Merah yang mana operasi itu akan dijalankan secara berkala mengikut waktu tertentu.

"Hal ini penting kerana haiwan perosak ini selain menghancurkan tanaman, ia juga boleh beri ancaman kepada penduduk, khususnya membabitkan babi hutan yang datang berkumpul bersama anak-anak," katanya kepada Melaka Hari Ini ketika ditemui di JAPERUN Pantai Kundor, baru-baru ini.

Tuminah atau mesra dipanggil Kak Ina berkata, selain ancaman babi hutan, pihaknya bersama Jabatan PERHILITAN turut mengambil berat isu monyet liar yang mengganggu penduduk di beberapa kawasan.

Katanya, beberapa sangkar telah dipasang di kawasan panas gangguan monyet liar bagi mengurangkan ancamannya kepada penduduk.

N18 - AYER MOLEK

Latih JPKK, NGO selamatkan mangsa banjir



RAHMAD ketika mengendalikan bot dalam program Teknik Menyelamat Mangsa Banjir DUN Ayer Molek di persisiran sungai Kandang.

AYER MOLEK - Bagi menghadapi bencana banjir pada musim hujan akan datang, satu Taklimat dan Latihan Pengendalian Bot serta Teknik Menyelamat Mangsa Banjir Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Molek telah diadakan di persisiran sungai di Kampung Kandang, di sini, 26 Feb lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Molek Datuk Rahmad Mariman berkata, program itu dikendalikan oleh Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bukit Katil bertujuan untuk memberi penerangan dan tatacara keselamatan ketika menyelamatkan mangsa banjir.

"Program ini melibatkan lebih 20 peserta termasuk Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) di dalam kawasan DUN Ayer Molek dan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) di kawasan Ayer Molek.

"Program ini juga diharap dapat dilaksanakan di kesemua DUN termasuk dengan mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Banjir, selain menyediakan kelengkapan menyelamat seperti bot dan jaket keselamatan serta pada masa sama melatih sukarelawan melaksanakan bantuan awal sekiranya berlaku banjir.

"Usaha ini penting kerana ahli masyarakat adalah orang paling dekat di setiap situasi banjir sementara menunggu bantuan daripada pihak bomba atau Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)," katanya.

Mengulas lanjut, Rahmad berkata, setakat ini hanya DUN Ayer Molek di bawah pimpinannya telah menubuhkan jawatankuasa pengurusan banjir dengan memiliki beberapa aset menyelamat.

"Saya berharap jawatankuasa pengurusan banjir dan program menyelamat ini dapat dilaksanakan di seluruh negeri terutama di 12 DUN yang kerap berlaku banjir," katanya.

Beliau yang juga EXCO Pengurusan Banjir negeri berkata, antara DUN yang menjadi kawasan kerap banjir adalah seperti Paya Rumpit, Durian Tunggal, Gadek, Sungai Rambai dan Rim.

FOKUS DUN

N15 - PENGKALAN BATU

Hadiah motosikal buat jemaah hadir solat Subuh berjemaah

Faiz Hasan

PENGKALAN BATU 24 Feb - "Ini merupakan salah satu usaha untuk kita melahirkan masyarakat yang cintakan masjid dan memanfaatkan masjid dalam menyemai cinta kepada Allah," katanya Pengerusi Masjid As-Sa'adah, Datuk Amzah Osman.

Beliau berkata, demikian ketika mengulas mengenai Program Istiqamah Subuh Berjemaah 40 Hari yang menawarkan hadiah empat motosikal Modenas Kriss MR3 berharga RM4,000 setiap satu kepada jemaah.

Jelasnya, Program Istiqamah Subuh Berjemaah 40 Hari itu bertujuan memperkasa peranan masyarakat untuk mengimarahkan masjid di kawasan berkenaan.

Katanya, empat kategori ditawarkan kepada jemaah yang hadir iaitu Kategori Anak Kariah, Kategori Terbuka buat penduduk luar, Kategori Pegawai Syarak dan kakitangan masjid serta kategori jemaah wanita.

"Kita akan melakukan pendaftaran Jumaat ini (25 Feb) manakala program dimulakan 1 Mac depan selama 40 hari.

"Setiap peserta akan didaftarkan menggunakan sistem pengesan cap jari bagi merekodkan kehadiran mereka setiap kali waktu solat berjemaah.

"Setiap markah akan dinilai menerusi kehadiran Solat Subuh dan Isyak malah bagi waktu yang lain juga mata tambahan akan diberikan kepada jemaah yang hadir," katanya baru-baru ini.

Terdahulu, pihak pengurusan masjid sama menawarkan hadiah 40 unit basikal kepada kanak-kanak yang hadir menunaikan solat Subuh berjemaah selama 40 hari.

Usaha untuk menarik golongan cilik mengimarahkan masjid itu mendapat sambutan yang amat luar biasa.

"Alhamdulillah kita melihat anak-anak mula mendekati diri dengan masjid dan lama kelamaan Insya-Allah sifat ini dapat digilap pada masa akan datang.

"Mengikut perancangan kita ma-hu menarik kanak-kanak untuk tampil sukarelawan dan aktif dalam pelbagai aktiviti sekali gus mencapai hasrat kita untuk mengimarahkan masjid.

"Kita akan lipat gandakan usaha ini seperti mengadakan pelbagai kelas mengaji al-Quran kelas agama dan tauhid bagi melahirkan anak-anak yang berintegriti," katanya.



MOTOSIKAL Modenas Kriss MR3 bakal menjadi milik jemaah berjaya pada penghujung program

N14 - KLEBANG

Ziarah kasih sambil hulur sumbangan



BAN Hong (kiri) ketika mengadakan ziarah kasih dan menyampaikan sumbangan kepada keluarga di sekitar Bukit Rambai.

KLEBANG - Pendekatan ziarah kasih menjadi antara fokus utama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klebang Datuk Lim Ban Hong dalam menyelami segala permasalahan rakyat.

Baru-baru ini, beliau telah mengadakan lawatan di sekitar Bukit Rambai bagi menyantuni keluarga yang kurang berkemampuan dan kurang bernasib baik.

Walaupun berstatus Timbalan Menteri Perdagangan dan Industri, Ban Hong tidak kekok berjalan dan menyantuni sembilan keluarga di

Bukit Rambai Seksyen 2 dan Taman Indah Bukit Rambai.

Di kesempatan itu, beliau turut mengagihkan sumbangan kepada mereka yang kurang berkemampuan.

Antara sumbangan yang diberikan termasuklah wang tunai dan kit makanan asas seperti beras, gula, minyak masak dan lain-lain.

Sesi ziarah kasih itu juga turut disertai pemimpin setempat di bawah Dewan Undangan Negeri (DUN) Klebang.

N25 - RIM



DIRA (kanan) ketika mengadakan pertemuan bersama Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPLB Datuk Norison Ramli bagi memohon peruntukan untuk pembangunan DUN Rim, baru-baru ini.

Dira perjuang aduan rakyat Rim

RIM - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim Datuk Khaidhirah Abu Zahar sentiasa cakna dengan segala permasalahan rakyat di kawasan itu.

Beliau yang mesra dengan panggilan Dira berkata, terdapat lima masalah yang telah dikenal pasti hasil maklumat dan aduan 'Rakan Rim' yang mana kesemuanya telah dibawa ke peringkat Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

Beliau berkata, dalam pertemuan bersama Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPLB Datuk Norison Ramli baru-baru ini, beberapa permohonan telah diusulkan antaranya kerja-kerja naik taraf jalan raya serta pembaikan infrastruktur di kawasan berkenaan.

"Antara aduan yang diterima dan dilakukan siasatan oleh JAPERUN Rim ialah jalan rosak di Kampung Kesang yang memerlukan kerja penurapan semula, selain keperluan naik taraf beberapa jalan, longkang dan balai raya di sekitar Rim.

"Selain itu, surau dan Masjid yang rosak juga memerlukan kerja baik pulih serta permohonan lampu jalan untuk beberapa buah kampung di Rim.

"Selain itu, saya juga mengusulkan keperluan pembinaan sebuah tangki menara, tangki sedutan dan rumah pam di kawasan Rim," katanya dalam satu kenyataan di laman Facebook.

Dira berkata, hasil pertemuan itu memberi petanda cukup positif apabila pihak KPLB bersetuju menjalankan beberapa siasatan lanjut bagi memenuhi syarat yang ditetapkan.

"Alhamdulillah KPLB (di bawah) pimpinan Datuk Seri Mahdzir Khalid sangat cakna dengan keperluan ini.

"Doakan kesemua proses berjalan dengan lancar," katanya lagi.



N23 - TELOK MAS

Madrasah Darul Aitam disanitasi, terima sumbangan makanan

Fiqa Jamal

TELOK MAS - Bagi memastikan tiada penularan wabak COVID-19 dan menjamin keselamatan penghuninya bangunan Madrasah Anak Yatim Darul Aitam Bukit Pegoh, Pernu, di sini, disanitasi dalam program berlangsung 19 Feb lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Mas, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman menerusi laman Facebook rasminya berkata, aktiviti sanitasi dijalankan Pemuda

UMNO Bahagian Kota Melaka.

"Kami difahamkan bahawa tukang masak bertugas di madrasah tersebut disahkan positif COVID-19, jadi sanitasi perlu dilakukan.

"Semoga anak-anak ini terus sihat dalam menimba ilmu sepanjang di Darul Aitam ini," katanya.

Katanya, selain itu pihaknya turut menyampaikan sumbangan dalam bentuk makanan, bahan masakan kering dan basah kepada wakil madrasah.



ANTARA sumbangan bahan masakan dan makanan ketika diberikan kepada anak yatim di Madrasah Darul Aitam, Pernu, Melaka baru-baru ini

N21 - DUYONG



MOHD Noor Helmy (kanan) sedaya upaya mencari ikhtiar untuk membantu mangsa rumah rosak akibat ribut di Duyong.

Ikhtiar Mat bantu mangsa ribut

DUYONG - Empat buah rumah di Duyong yang mengalami kerosakan akibat ribut dan angin kuat baru-baru ini mendapat perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Duyong Mohd Noor Helmy Abdul Halem.

Katanya, dalam lawatan ke rumah terjejas di Pengkalan Rama Tengah dan Kampung Simpang Semabok baru-baru ini mendapati dua buah rumah rosak teruk dan memerlukan peruntukan yang besar untuk baik pulih.

Walaupun kebanyakan bantuan baik pulih tidak dapat disegerakan, namun be-

“Walau pun kebanyakannya bantuan baik pulih tidak dapat disegerakan, namun beliau yang mesra disapa Mat tetap mencari ikhtiar untuk membantu keluarga yang dilanda musibah ribut itu.”

liau yang mesra disapa Mat tetap mencari ikhtiar untuk membantu keluarga yang dilanda musibah ribut itu.

"Semua Mat jengah tengok apa yang boleh dibuat. Sana sini Mat Whatsapp, Mat hubungi tengok jika ada bantuan baik pulih, tapi tak ada yang dapat bantu segera.

"Takkan hendak biarkan mereka semua tidur dalam rumah pandang atas terus nampak langit.

"Jadi, Mat panggil tukang rumah datang tengok. Apa yang boleh diusahakan untuk menyelesaikan masalah walaupun hanya untuk sementara," katanya.

N28 - SUNGAI RAMBAI



KEADAAN Parit Seman Benteng di Sungai Rambai yang akan dibaik pulih.

Baik pulih parit dan rumah terjejas bencana ribut terlaksana

Fiqa Jamal

SUNGAI RAMBAI - Usaha membaik pulih dan membersihkan sistem perparitan antara langkah yang dilaksanakan bagi melestarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Rambai serta memberikan keselesaan kepada penduduk.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai, Siti Faizah Abd Aziz berkata, antara lokasi menjadi tumpuan pihaknya kini adalah sistem saliran di Kampung Sri Benteng.

"Setiausaha JAPERUN, wakil Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri serta Pengerusi Persatuan Penduduk Kampung Sri Benteng sebelum ini sudah turun padang untuk melakukan tinjauan.

"Kita merancang untuk memasang batu sangkar di sepanjang Parit Seman Benteng sebelum kerja-kerja baik pulih jalan dilakukan," katanya.

Katanya setiausaha JAPERUN turut meninjau kerja-kerja baik pulih rumah-rumah mangsa yang dilanda ribut di Taman Tasek Permai, baru-baru ini.

FOKUS
DUN

N27 - MERLIMAU

Peniaga sudah tidak ada alasan tiada lesen

Salman Hamat

MERLIMAU - Program Peniaga Jasin Jom Buat Lesen di Bandar Baru Merlimau baru-baru ini mendapat sambutan menggalakkan daripada peniaga kecil sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau Dr Muhamad Akmal Saleh berkata, menerusi program itu setiap permohonan disiapkan

dalam masa beberapa jam sahaja.

"Objektif program ini adalah untuk memastikan tidak timbul isu peniaga kecil dalam DUN ini tidak memiliki lesen, pada program kali ini kami bawa semua agensi berkaitan untuk bantu mudahkan urusan mereka.

"Alasan mereka tidak tahu bagaimana cara nak memohon dan kesukaran untuk ke pejabat Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) serta agensi berkaitan," katanya.



DR Muhamad Akmal bergambar bersama wakil agensi berkaitan dan peniaga pada Program Peniaga Jasin Jom Buat Lesen.

N26 - SERKAM



ANGGOTA RELA Serkam ketika menyampaikan Kit Makanan kepada penduduk Sekitar DUN Serkam yang terjejas akibat COVID-19

Penduduk jalani kuarantin sendiri terima kit makanan

Fiqa Jamal

SERKAM - Nasib penduduk di Dewan Undangan Negeri (DUN) Serkam sedang menjalani kuarantin sendiri di rumah mendapat perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serkam, Datuk Zaidi Attan yang mengagihkan kit makanan kepada mereka berkenaan.

Beliau berkata, pengagihan kit makanan itu dilakukan Jawatan Kuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JKPK), anggota Sukarelawan (RELA) dan wakil JAPERUN.

"Setiap minggu kita akan minta pasukan kita untuk mengagihkan kit makanan kepada mereka yang terjejas ekoran COVID-19.

"Sedikit sebanyak kit makanan ini dapat meringankan beban mereka kerana perlu menjalankan kuarantin di rumah, lebih-lebih lagi trend COVID-19 di negeri ini menunjukkan peningkatan ketika ini," katanya.

Katanya, agihan dilakukan kepada penerima sekitar Serkam seperti Kampung Berangan Enam, Kampung Pulau, Kampung Seri Minyak dan Taman Serkam Ria.



MIMBAR MAIM

“Dan hendaklah kamu bertobat-tobatan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertobat-tobatan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencembohan. Dan bertakwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah maha berat zab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).” (Surah al-Ma'idah, ayat 2).

Anak asnaf terima bantuan pakaian sekolah

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Seramai lebih 8,000 anak asnaf dalam kalangan penerima bantuan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) layak menerima sumbangan pakaian sekolah bermula pada bulan ini.

Bantuan yang diberi merupakan bantuan berbentuk pakaian sekolah bagi sekolah rendah ma-

hupun sekolah menengah.

Pada tahun ini setiap anak-anak asnaf tersebut menerima bantuan berjumlah RM 300 yang merangkumi pakaian, kasut dan juga beg sekolah sama ada bersekolah di sekolah rendah maupun menengah.

Dengan bantuan yang diberikan mampu membantu golongan asnaf khususnya bagi mereka yang mempunyai anak yang masih di-

alam persekolahan.

Sebahagian daripada ibu bapa turut mengucapkan rasa syukur dan berterima kasih dengan bantuan yang diberi yang mana ianya mampu membantu mengurangkan beban mereka dalam menyediakan peralatan persekolahan.

Walaupun negara masih dilanda wabak Covid-19 namun menjadi tanggungjawab MAIM untuk menyediakan bantuan seperti ini bagi memastikan anak-anak asnaf mampu mengikuti sesi persekolahan dengan kelengkapan pakaian yang sewajarnya.

Bantuan berkenaan merupakan antara skim bantuan yang disediakan oleh pihak MAIM dan mampu memberi keyakinan kepada masyarakat Islam di negeri ini untuk melunaskan tanggungjawab sebagai pembayar zakat.

MAIM juga sentiasa komited dalam memastikan setiap asnaf akan mendapat bantuan yang sewajarnya dan orang ramai khususnya masyarakat Islam di negeri ini untuk bersama membantu MAIM mengenal pasti mereka yang layak dibantu bagi memastikan mereka tidak dipinggirkan begitu sahaja.

Sebarang pertanyaan mahupun penyampaian maklumat orang ramai boleh menghubungi MAIM di talian 06-2881882/2881877 atau boleh layari laman sesawang rasmi MAIM di www.maim.gov.my.



KECERIAAN anak asnaf bersama pakaian sekolah yang diberi.



KASUT sekolah yang berkualiti dan berjenama menjadi pilihan anak-anak asnaf.



PEMILIHAN alat tulis yang disediakan oleh panel yang dilantik MAIM.



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](https://www.youtube.com/majlis-agama-islam-melaka) **Facebook** | [facebook/maimmelaka](https://www.facebook.com/maimmelaka)



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

“Pengagihan zakat yang telus amanah kami”

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my



PRIHATIN...Setiasaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim bersama Pengurus Cawangan Melaka Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM), Azharry Gimam menyampaikan sumbangan wang tunai kepada 50 keluarga yang terkesan akibat banjir besar di negeri ini penghujung tahun lalu. Sumbangan berkenaan merupakan hasil sumbangan orang ramai kepada YAPEIM dengan kerjasama MAIM bagi meringankan beban mangsa.



SERAH KIT MAKANAN...Timbalan Pengerusi MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmud menyampaikan sumbangan 200 kit makanan kepada wakil pengurusan Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) bagi membantu sebahagian pelajar kolej berkenaan yang sedang di kuarantin akibat penularan wabak Covid-19. Turut sama hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Linggi, Rosli Abdullah dan Penyelaras Bilik Gerakan Musa'adah Covid-19 Agensi Agama Islam Melaka



Berkat rezeki maha pencipta

Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadzil

Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka, Majlis Agama Islam Melaka.



akan membalasnya dengan cara melipatgandakan harta yang dimiliki serta melimpahkan berkat rezekinya. Hal ini kerana, harta yang dimiliki adalah bersifat sementara bukannya milikan kekal. Ini bertepatan dalam firman Allah SWT, Surah Al-Baqarah ayat 245; yang bermaksud: "Barangsiapa meminjami Allah SWT dengan pinjaman yang baik maka Allah SWT melipatgandakan ganti kepadanya dengan banyak. Allah SWT menahan dan melapangkan (rezeki) dan kepada-Nyalah kamu dikembalikan".

Manakala harta benda yang tidak dikeluarkan zakat jika mencukupi syarat-syarat wajib, maka tidak akan mendapat keberkatan rezeki daripada Allah SWT. Harta yang berkat umpama sedikitnya mencukupi dan banyaknya boleh dikongsi. Harta ini juga

REZEKI adalah nikmat yang diberikan oleh Allah SWT kepada seluruh umat manusia supaya mengusahakan dan mengerjakannya ke arah kebaikan. Sekiranya seseorang itu menginfakkan harta benda ke jalan Allah SWT, tidak kira sama ada ianya berupa sedekah mahupun zakat, maka Allah SWT

“Setiap umat Islam perlulah memainkan peranan penting dalam menggala tanggungjawab sebagai seorang individu Muslim dengan menyumbangkan sedekah mahupun zakat seperitmana yang telah diperintahkan oleh Allah SWT”

diibaratkan seperti air laut yang diminum, ianya tidak akan dapat menghilangkan dahaga dan apabila diminum banyak, ianya boleh mendatangkan bahaya kepada kesihatan tubuh badan.

Selain daripada itu, setiap umat Islam di dunia ini akan diuji oleh Allah SWT dalam pelbagai bentuk ujian, antaranya pemilikan harta. Secara umumnya, manusia sering melihat apabila harta bendanya banyak, maka mereka beranggapan bahawa Allah SWT sangat sayang kepadanya sehingga menjadi kaya raya, berpangkat tinggi serta berkuasa sehingga membuatkan mereka berbangga diri dan lupa diri.

Manakala, bagi seseorang yang miskin dari segi harta benda, mereka beranggapan bahawa Allah SWT tidak sayang kepadanya sehingga dia merasakan dirinya hina berbanding orang lain. Kedua-dua jenis golongan di atas merupakan manusia yang tidak mempunyai panduan hidup yang sempurna malah mereka tidak mengerti hakikat daripada rezeki yang ditentukan oleh Allah SWT. Oleh sebab itulah, setiap umat Islam mestilah sentiasa bersyukur atas segala kurniaan Allah SWT tidak kiralah sedikit atau banyak.

Sehubungan dengan itu, kita sebagai umat Islam yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT perlulah yakin dan percaya tentang kurniaan rezeki yang diberikan oleh Allah SWT. Sebagai contoh ada dikalangan manusia yang diberi rezeki berupa harta benda yang banyak dan melimpah ruah, akan tetapi mereka tidak mendapatkan rezeki yang

berkualiti dimana ianya tidak mendapat keberkatan dari-Nya.

Manakala sebaliknya, ada dikalangan manusia yang tidak diberikan rezeki berupa harta benda yang banyak iaitu sekadar hidup ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, akan tetapi masih tetap bersyukur dengan rezeki yang diterimanya. Golongan ini sentiasa reda dengan ketentuan daripada Allah SWT. Hal ini kerana, mereka mengetahui tujuan Allah SWT memberikan rezeki kepada mereka dan dengan itu membuatkan mereka menunaikan segala perintah Allah SWT dalam mendapatkan rezeki serta menggunakannya dengan dasar iman dan takwa serta membuktikan bahawa Allah SWT yang bersifat pemberi rezeki.

Justeru itu, setiap umat Islam perlulah memainkan peranan penting dalam menggala tanggungjawab sebagai seorang individu Muslim dengan menyumbangkan sedekah mahupun zakat sepertimana yang telah diperintahkan oleh Allah SWT. Hal ini secara tidak langsung dapat menjamin kesejahteraan ummah serta dapat membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat Islam seterusnya menstabilkan ekonomi ummah. Semoga segala apa yang kita berikan akan memberi manfaat dan ketenangan hidup di dunia mahupun di akhirat kelak. In Sha Allah.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari www.izakat.com atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian : Ibu Pejabat, Tel: 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel: 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel: 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel: 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel: 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel: 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel: 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp : Info Pertanyaan Zakat - (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat - (011-58583900) Laman Web : www.izakat.com



TIMBALAN Pengerusi MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmud bersama Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim hadir menyampaikan sumbangan cek kepada wakil penguurusan Masjid Al-Wakil Kariah Lubok Cina baru-baru ini. Masjid berkenaan merupakan salah sebuah masjid yang terkesan berikutan bencana banjir besar yang melanda DUN Ayer Limau penghujung tahun lalu.



Hanya **2.5%**

“Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi”

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com





SERAHAN sumbangan kit makanan kecemasan disempurnakan oleh Setiausaha MAIM, Muhamad Ikram Ibrahim kepada seluruh Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dun (JAPERUN) di negeri ini. Kit berkenaan disediakan oleh Bilik Gerakan Musa'adah COVID-19 Agensi Agama Islam Melaka yang terdiri daripada makanan asasi seperti beras, gula, tepung dan beberapa makanan berkhasiat bagi tujuan disalurkan kepada mereka yang terkesan berikutan penularan wabak COVID-19 yang masih melanda negara.



SKUAD Agihan Zakat (SAZ) MAIM Cawangan Melaka Tengah melaksanakan program rutin mingguan menyantuni asnaf di sekitar DUN Ayer Keroh serta menyampaikan kit makanan dan wang tunai. SAZ juga menyantuni dan memastikan perkembangan kesihatan serta pendidikan anak-anak mereka mendapat perhatian sewajarnya serta kebajikan asnaf dijamin terjaga.

Pertembungan pelbagai penjuror bukan kelebihan untuk BN



BATU PAHAT - Barisan Nasional (BN) tidak mahu melihat situasi pertembungan empat penjuror di 35 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) sebagai satu kelebihan kepada parti itu untuk menang selesa dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor 12 Mac ini.

Pengerusi BN Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata BN mempunyai kekuatan tersendiri dan bukan melihat kepada aspek kelebihan atau kekurangan apabila terlalu ramai calon diketengahkan pelbagai parti.

"Angin perubahan mula ber tiup di Johor bukan sahaja dalam kalangan orang Melayu..peningka-

tan sokongan pengundi India dan Cina terutama di kawasan bandar telah mula bertukar arah kepada calon BN," katanya selepas menghadiri Majlis Ramah Mesra bersama masyarakat di Pusat Daerah Mengundi (PDM) Ayer Hitam Barat di sini, 27 Feb lalu.

Pada PRN Johor, daripada 56 kerusi DUN, dua kawasan iaitu Kempas dan Tiram menyaksikan pertandingan tujuh penjuror, pertandingan enam penjuror di empat kerusi, lima penjuror (lapan), empat penjuror (35) dan tiga penjuror (7).

Ahmad Zahid yang juga Presiden UMNO yakin beberapa-

waran dalam manifesto BN yang akan dilancarkan kelak seperti menawarkan rumah generasi kedua kepada peneroka Felda yang akan diletakkan di bawah kerajaan negeri, akan memberikan harapan kepada pengundi muda.

Katanya lebih 70 peratus muka baharu yang diketengahkan sebagai calon BN adalah 'hidangan' baharu kepada rakyat Johor yang mampu menjadi pembawa perubahan dalam kalangan pengundi muda.

"Walaupun calon-calon ini bertembung dengan calon sama taraf dari segi umur, kelayakan akademik, muka baharu tetapi kita

yakin berdasarkan rekod daripada Kerajaan Johor yang mempunyai 14 Menteri Besar di bawah pimpinan BN atau UMNO, memberi keyakinan dan harapan semula kepada calon untuk bentuk kerajaan negeri," katanya.

Suruhanjaya Pilihan Raya menetapkan hari mengundi pada 12 Mac manakala undi awal pada 8 Mac.

Sementara itu, Ahmad Zahid berkata BN akan mencadangkan pelaksanaan kadar gaji minimum baharu bagi negeri ini sekiranya parti itu diberi mandat pada PRN Johor.

Katanya ia penting untuk

Kerajaan Negeri Johor membela kepentingan rakyat terutamanya pekerja yang berpendapatan rendah.

"Saya akan berbincang dengan Menteri Besar dan kerajaan negeri kerana ia juga bertakluk kepada dasar kerajaan Persekutuan," katanya.

Sebelum ini, Menteri Sumber Manusia Datuk Seri M. Saravanan berkata pekerja negara ini dijangka menikmati penetapan kadar gaji minimum pada nilai sekitar RM1,500 sebelum pengujung tahun ini selepas mendapat persetujuan Jemaah Menteri.-BERNAMA

Berikut adalah senarai calon Barisan Nasional (BN) daripada UMNO, MCA dan MIC yang akan bertanding pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor 12 Mac ini.



N01: BULOH KASAP - Datuk Zahari Sarip (BN-UMNO)

N.02 JEMENTAH - See Ann Giap (BN)

N03: PEMANIS - Anuar Abd Manap (BN-UMNO)

N04: KEMELAH - N Saraswati (BN-MIC)

N05: TENANG - Haslinda Salleh (BN-UMNO)

N06: BEKOK - Tan Chong (BN-MCA)

N07: BUKIT KEPONG - Ismail Mohamad (BN-UMNO)

N08: BUKIT PASIR - Mohamad Fazli Mohamad Salleh (BN-UMNO)

N09: GAMBIR - Sahrihan Jani (BN-UMNO)

N10: TANGKAK - Ong Chee Siang (BN-MCA)

N11: SEROM - Khairin Nisa Ismail @ Md On (BN-UMNO)

N12: BENTAYAN - Gan Q'i Ru (BN-MCA)

N13: SIMPANG JERAM - Datuk Lokman Md Don (BN-UMNO)

N14: BUKIT NANING - Datuk Mohd Fuad Tukirin (BN-UMNO)

N15: MAHARANI - Noor Farah Shamsudin (BN-UMNO)

N16: SUNGAI BALANG - Selamat Takim (BN-UMNO)

N17: SEMERAH - Mohd Fared Mohd Khalid (BN-UMNO)

N18: SRI MEDAN - Datuk Zulkumain Kamisan (BN-UMNO)

N19: YONG PENG - Ling Tian Soon (BN-MCA)

N20: SEMARANG - Datuk Samsolbari Jamali (BN-UMNO)

N21: PARIT YAANI - Mohamad Najib Samuri (BN-UMNO)

N22: PARIT RAJA - Nor Rashidah Ramli (BN-UMNO)
Zulkifli Mat Daud (PN-Bersatu)

N.23 PENGGARAM - Ter Hwa Kwong (BN)

N24: SENGGARANG - Mohd Yusla Ismail (BN-UMNO)

N25: RENGIT - Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi (BN-UMNO)

N26: MACHAP - Datuk Onn Hafiz Ghazi (BN-UMNO)

N27: LAYANG-LAYANG - Abd Mutalip Abd Rahim (BN-UMNO)

N28: MENGGIBOL - Kelly Chye Pei Yee (BN-MCA)

N29: MAHKOTA - Datuk Sharifah Azizah Syed Zain (BN-UMNO)

N30: PALOH - Lee Ting Han (BN-MCA)

N31: KAHANG - Vidyananthan Ramanadhan (BN-MIC)

N32: ENDAU - Mohd Youzaimi Yusof (BN-UMNO)

N33: TENGGAROH - Raven Kumar Krishna samy (BN-MIC)

N34: PANTI - Hahasrin Hashim (BN-UMNO)

N35: PASIR RAJA - Rashidah Ismail (BN-UMNO)

N36: SEDILI - Muszaide Makmor (BN-UMNO)

N37: JOHOR LAMA - Norlizah Noh (BN-UMNO)

N38: PENAWAR 29,933 - Fauziah Misri (BN-UMNO)

N39: TANJUNG SURAT - Aznan Tamin (BN-UMNO)

N40: TIRAM - Azizul Bachok (BN-UMNO)

- Datuk Abdul Aziz Harun (Pejuang)
- Jayasankar Jeraman (Bebas/IND)

N41: PUTERI WANGSA - Ng Yew Aik (BN-MCA)

N42: JOHOR JAYA - Chan San San (BN-MCA)

N43: PERMAS - Baharudin Mohamed Taib (BN-UMNO)

N44: LARKIN - Mohd Hairi Mad Shah (BN-UMNO)

N45: STULANG - Ang Boon Heng (BN-MCA)

N46: PERLING - Tan Hiang Kee (BN-MCA)

N47: KEMPAS - Datuk Ramlee Bohani (BN-UMNO)

N48: SKUDAI - Lim Soon Hai (BN-MCA)

N49: KOTA ISKANDAR - Pandak Ahmad (BN-UMNO)

N50: BUKIT PERMAI - Datuk Mohd Jafni Md Shukor (BN-UMNO)

N51: BUKIT BATU - Suppayah Solaimuthu (BN-MIC)

N52: SENAI - Shen Poh Kuan (BN-MCA)

N53: BENUT - Datuk Hasni Mohammad (BN-UMNO)

N54: PULAI SEBATANG - Hasrunizah Hassan (BN-UMNO)

N55: PEKAN NANAS - Tan Eng Meng (BN-MCA)

N56: KUKUP - Datuk Jefridin Atan (BN-UMNO)

TRIVIA PRN JOHOR 12 MAC 2022

✓ 239 calon layak bertanding

✓ 56 Kerusi DUN

✓ 202 calon lelaki 37 calon wanita

✓ 2.5 juta pemilih berdaftar

✓ Calon tertua berusia 71 tahun mewakili PN

✓ Dua calon termuda berusia 26 tahun

mewakili BN dan Pejuang

✓ 8 calon berusia bawah 30 tahun.

✓ 52 calon berusia 30 hingga 39 tahun, 72 calon berusia 40 hingga 49 tahun, 64 calon berusia antara 50 hingga 59 tahun manakala 43 calon berusia 60 tahun ke atas.

✓ 56 masing-masing adalah calon BN dan

PN, Pakatan Harapan (30), Pejuang (42), PKR (20), Bebas (16), Parti Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA) (7), Parti Warisan (6), Parti Bangsa Malaysia (PBM) (4), dan masing-masing satu mewakili Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (Putra) dan Parti Sosialis Malaysia (PSM).

✓ Kempas dan Tiram menyaksikan pertandingan tujuh penjuror, pertandingan enam penjuror di empat kerusi, lima penjuror

(lapan), empat penjuror (35) dan tiga penjuror (7).

✓ Tempoh berkempen bermula selepas pengisytiharan calon oleh pegawai pengurus hingga 11.59 malam 11 Mac.

✓ SPR tubuh 56 Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PPKPR) untuk memantau semua aktiviti calon bertanding ketika berkempen.



WWW.KIBGIM.COM SCAN HERE

SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: SEJARAH

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &
MENGINSPIRASI
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

SUPER TEN SEJARAH TINGKATAN 5 SPM

BAB 1 : KEDAULATAN NEGARA

- Terangkan jenis-jenis kedaulatan
- Jelaskan ciri-ciri negara berdaulat
- Huraikan kepentingan mewujudkan negara berdaulat

BAB 2 : PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

- Jelaskan latar belakang sejarah Perlembagaan Persekutuan
- Huraikan ciri utama Perlembagaan Persekutuan
- Jelaskan pindaan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 1963 dan 1965

BAB 3 : RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

- Nyatakan tiga institusi dalam sistem Raja Berperlembagaan yang berperanan dalam mengurus pentadbiran dan pemerintahan negara
- Jelaskan peranan Yang di-Pertuan Agong (YDPA) dari sudut kuasa eksekutif
- Mengapakah amalan pengasingan kuasa dilaksanakan dalam pemerintahan negara?

BAB 4 : SISTEM PERSEKUTUAN

- Jelaskan konsep sistem Persekutuan di negara kita
- Terangkan bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan
- Huraikan Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

BAB 5 : PEMBENTUKAN MALAYSIA

- Jelaskan idea/faktor pembentukan Malaysia
- Huraikan langkah-langkah yang dilakukan untuk merealisasikan pembentukan Malaysia
- Bagaimanakah usaha Malaysia untuk menghadapi penentangan dari Indonesia?

BAB 6 : CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA

- Nyatakan faktor konflik perkauman 13 Mei 1969
- Jelaskan peranan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)
- Bagaimanakah pemerintah Malaysia mengatasi konflik perkauman di negara kita?

BAB 7 : MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA

- Terangkan konsep perpaduan kaum dan integrasi nasional
- Jelaskan langkah-langkah yang dilaksanakan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan
- Jelaskan matlamat pembentukan Rukun Negara

BAB 8 : MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA

- Apakah matlamat Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)?
- Bagaimanakah strategi kerajaan menjayakan DEB dan DPN?
- Sejauh manakah pelaksanaan DEB dan DPN dapat memberi manfaat kepada negara dan bangsa Malaysia?

BAB 9 : DASAR LUAR MALAYSIA

- Jelaskan matlamat penggubalan dasar luar Malaysia
- Terangkan sumbangan Malaysia dalam ASEAN
- Malaysia memainkan peranan yang aktif dalam OIC. Buktikan.

BAB 10 : KECEMERLANGAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA

- Jelaskan isu global kontemporari yang dihadapi oleh Malaysia
- Bagaimanakah Malaysia berperanan dalam isu keamanan dan kemanusiaan?
- Terangkan usaha negara dalam mengekalkan kelestarian global Bersama-sama dengan pertubuhan antarabangsa



**FOKUS
3
POINT!**



KEROSAKAN pada bumbung akibat kejadian ribut.



BUMBUNG sebuah rumah yang diterbangkan ribut dalam kejadian 21 Feb lalu.

Kejadian ribut tinggalkan kesan mendalam kepada mangsa

PAYA RUMPUT - Kejadian ribut petang 21 Feb lalu, disifatkan sebagai paling 'ganas' oleh mangsa yang terkesan apabila merosakkan puluhan rumah dalam sekelip mata.

Penduduk di kawasan terjejas menyifatkan keja-

dian itu sebagai paling buruk dan amat mengejutkan setakat ini.

Mangsa bukan setakat menanggung kerugian tinggi berikutan kerosakan perkakasan rumah sebaliknya ada yang hilang tempat tinggal berikutan bumbung ru-

mah diterbangkan ribut.

Bagi penduduk di Kampung Lanjut Manis, Zaidi Hassan, 49, dia masih kebingungan dan trauma dengan tiupan angin yang merosakkan kediamannya.

"Kira-kira jam 6.30 petang berlaku hujan lebat se-

cara tiba-tiba datang angin kencang yang terbangkan bumbung bahagian dapur.

"Bahagian dapur semua basah, mesin pembancuh, tepung untuk buat kuih semua kena air. Sekarang saya tengah alihkan zink, besi dan kemaskan ba-

hagian dalam rumah yang terjejas, terpaksa cuti hari ini," katanya.

Nada sama disuarakan, penduduk Kampung Belimbing Dalam, Jaafar Taib, 67, yang masih terkejut apabila atap rumahnya habis diterbangkan ribut

hanya dalam masa kurang seminit.

"Ketika itu budak-budak menjerit ketakutan saya pula terkedu, tak sempat dan tak boleh nak buat apa-apa, cuma boleh cakap supaya mereka duduk diam-diam saja," katanya.

11 kawasan terjejas akibat ribut - APM

Siti Salehah

AYER KEROH - Sebanyak 11 kawasan di dua daerah di negeri ini dilaporkan terjejas akibat ribut yang melanda lewat petang 21 Feb lalu.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam (APM) negeri Leftenan Kolonel (PA) Cuthbert John Martin Quadra berkata, seramai 13 mangsa ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) di

Balai Raya Kampung Belimbing Dalam.

"PPS itu menempatkan empat keluarga dari Kampung Belimbing Dalam yang terpaksa berpindah selepas rumah mereka mengalami kerosakan dan terputus bekalan elektrik.

"Dua kawasan terjejas di daerah Alor Gajah manakala sembilan lagi di Melaka Tengah," katanya.

Katanya, antara kawasan yang

terjejas adalah Kampung Belimbing Dalam, Krubong, Kampung Tanah Merah, Lanjut Manis, Pengkalan Batu dan Kampung Ladang.

Hujan lebat dan angin kuat, turut menyebabkan banyak kejadian pokok tumbang di beberapa lokasi dan jalan utama.

Malah Balai Raya Pengkalan Batu turut mengalami kerosakan apabila struktur bumbung hadapan runtuh.



KEADAAN sebuah rumah yang rosak akibat bumbung diterbangkan angin.

Gerak hati selamatkan lelaki daripada dihempap runtuh bumbung



KEADAAN rumah yang dilanda ribut di kampung Belimbing Dalam.

DURIAN TUNGGAL - "Mujurlah saya berhenti sekejap kalau terus buka pintu dan masuk pasti dihempap runtuh bumbung," itu kata Muhammad Radzi Yakkop, 31, mangsa ribut di Kampung Belimbing Dalam, di sini, 21 Feb lalu.

Dalam kejadian lewat itu, hampir 30 buah kediaman di kampung itu terjejas apabila sebahagian bumbung tercabut, selain terdapat struktur rumah penduduk yang rosak.

Menurutnya, ketika kejadian kira-kira jam 6.45 petang, dia keluar untuk mengangkat jemuran di ampai dan ketika itu cuaca sudah hujan lebat disusuli ribut.

"Cuaca ketika itu hujan lebat luar biasa malah tengok keadaan itu juga seram kerana amat kuat sebelum 'awning' luar rumah tiba-tiba diterbangkan angin.

"Kejadian berlaku begitu pantas sebelum sebahagian bumbung dapur dan bilik belakang turut roboh"

katanya.

Katanya, walaupun kediamannya agak teruk terjejas namun dia bersyukur kerana ahli keluarganya terselamat termasuk dirinya.

Sementara itu, seorang lagi mangsa Rahmat Alus, 51, berkata, kejadian lewat petang itu amat mencemaskan dia dan keluarga sehingga ahli keluarganya berpelekan kerana ketakutan.

Katanya, akibat ribut juga bumbung kediamannya turut diterbangkan angin kira-kira 50 meter ke rumah jiran.

"Dalam keadaan panik dan cemas saya hanya mampu laungkan azan untuk menenangkan ahli keluarga termasuk emak dan anak saudara.

"Dengan keadaan dalam rumah yang dipenuhi air hujan selepas bumbung tercabut kami berlindung di ruang luar rumah sehinggalah hujan berhenti," katanya.

The Scribe's Memoir: Sources and Insights about Journalism



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

JOURNALISM has become one of the most misunderstood professions in the world. Even by scribes themselves. Journalism is a practice; and an academic field, in this sense fairly similar to history, economics, and medicine. There is the practice. And there is the body of knowledge with structures and guides the practice. It has a science, a methodology, an art, and a system of knowing. My first book on journalism finally appeared in 2001. 'Finally' because it was rejected by five different publishers. The manuscript was a narrative on what is and what it should be. It was a sociology of the field.

The publishers were not excited. Then in the 1980s and 1990s there were some 'how to' books on reporting. The publishers said there was "nothing new" from my manuscript. I suppose they never read it. I am more inclined to accuse them of simply misreading my writing. It has nothing like the 'motivation' types flooding the market; but that was what they wanted to see to rationalise their rejection. They did not see that the manuscript was on journalistic behaviour, national and global journalism, and a bit of history. Perhaps to a fragment of an autobiography.

When I first peddled the manuscript in the late 1980s, I was new in academia, without a doctorate and a professorship. I was even told off by one publisher that they did not accept manuscripts from those without a PhD, and that I must be at least an associate professor. That publisher has a misplaced belief on publishing – academic or otherwise. I was conscious of my style then – scholarly-informed essays for the intelligent public, written from the mid 1980s. Not the research/academic type of reports disguised in paperbacks or journals where no one reads except peers and students eager to increase citations for performance indicators and promotions.

The publishers had wanted book that provides skills. The was the zeitgeist. Finally a friend offered to publish the work.

The first book I read about journalism was in 1977. Written by Ghazali Ismail. It carries the title *Wartawan dalam Sa-ribu Suasana* (The Journalist in a Thousand Conditions), published in 1967. The book was on the work of the journalists, and the qualities and features that journalists must acquire. The writer also explains on news and reporting methods, writing columns and features, news organizations, and its divisions such as the editorial, and advertising department.

Other attempts at further narrating on

the scribe came from Mohd. Salleh Kassim's book titled *Kewartwanan: Teori dan Praktis* (1985), and Mansor Ahmad Saman's *So You want to be a Journalist?* The former tries to initially describe some of the assumptions of journalism with an orientation on writing; whereas the latter seeks to present a popular guide to journalistic writing thorough, with small doses of wit and humour. Mansor also wrote under the pseudonym TSLanang for a daily newspaper.


But there is another genre, identified by Dr. Roosfa Hashim, writer, editor, publisher. And that is the memoir. Roosfa, who has an interest in and gives regular workshops on writing memoirs, autobiographies and biographies identifies a number of figures who have penned memoirs on their experiences as writer and journalist. Roosfa, who is Director of the International Islamic University Malaysia Press, did not make any distinction, between journalist and writer. One can apply a strict definition; one can also look at journalism – the nature and process, as an act of writing and advocacy. Roosfa mentions Ahmad Boestamam, Abdullah Hussain, and A. Samad Ismail.

Ahmad Boestamam, considered a radical in the history of Malay and Malaysian politics published *Memoir Seorang Penulis* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979), and the same year a manual titled *Bagaimana Menjadi Seorang Penulis* by Pena, the national writers association. So also with Abdullah Hussain, the writer, novelist and biographer of P. Ramlee. Among his works are *Perjalanan Mencari Diri* (DBP 2004), and *Perjalanan Mencari Bahasa* (DBP 2001).

In his paper 2011 titled "Berguru daripada Memoir: Pendidikan Kewartwanan dalam Memoir A. Samad Ismail, Said Zahari dan Arena Wati" (Learning from the Memoir: Journalism Education in the Memoir of A. Samad Ismail, Said Zahari and Arena Wati). Roosfa explains that they are a source in knowing about journalism and a significant texts in journalism education. The would be journalist can benefit from such memoirs through their experience, and lessons learnt by the writers. These give a meaningful narrative of the journalist-writer continuum, and the factual/fiction matrix on genres. Memoirs have history and ethos, but not necessarily "gambaran sebenar perkara yang berlaku di dalam pejabat orang akhbar" (a truthful picture of what happened in the office/newsroom of a newspaperman). Things may, or may not be true, factual or accurate.

A. Samad Ismail needs no introduction. Samad's Memoir *A. Samad Ismail di Singapura* (1993) begins with his early life at Kampung Melayu, and Singapura during the British. Samad then relates his early experience as a reporter with *Utusan Melayu*. His first meeting with Yusuf Ishak, Utusan's editor-in-chief required him to read all the available newspapers in the office then – *Morning Tribune*, *Free Press*, *Malaya Tribune* and *Straits Times* from morning to the evening for a month.

He encountered Abdul Rahim Kajai, dubbed arguably the Father of Modern Malay Journalism, and luminaries like Za'ba, Ahmad Boestamam, and Ishak Haji Muhammad. Samad bears the imprint of idealism. He



A. Samad Ismail needs no introduction. Samad's Memoir *A. Samad Ismail di Singapura* (1993) begins with his early life at Kampung Melayu, and Singapura during the British. Samad then relates his early experience as a reporter with *Utusan Melayu*. (Credit photo: Facebook A.Samad Ismail)

“ Samad bears the imprint of idealism. He was arrested and imprisoned many times. Samad also wrote poetry, the *cerpen* (short story) and the novel. ”

was arrested and imprisoned many times. Samad also wrote poetry, the *cerpen* (short story) and the novel.

Another figure is Said Zahari. He was *Utusan Melayu* chief editor between 1956 and 1961. Not a very long time. His years under detention was longer. Said first appeared in the national imagination through *Dark Clouds at Dawn: A Political Memoir* (2000). Said is integral to the history of *Utusan Melayu* and journalism in Malaysia. His memoir offers deep insights into journalism – freedom, conscience and humanity. Said spent 17 years in jail.

Said's story provided a rare insight into the interference in the editorial direction of *Utusan Melayu* by UMNO. The party precipitated the unprecedented but consequential 1961 *Utusan Melayu* strike action.

Such memoirs are invaluable to Malaysian journalism schools. But there are no courses on journalism or media history, nor

Malay journalism in Malaysia or the Malay Archipelago as a specific subject. These do not attract the custodians of journalism education in Malaysia. Nevertheless I added fiction as texts about the operations of the scribe – A. Samad Said's *Hujan Pagi* (1987). And definitely would recommend Pramodya Ananta Toer's *Bumi Manusia*. (1980).

**NEXT WEEK:
Batak Newspapers**

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IUUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



DR. Shankar Gunarasa



Apakah itu Hernia (Angin Pasang)?

HERNIA berlaku di sebabkan oleh bonjolan yang keluar daripada dalam abdomen (biasanya usus besar, usus kecil dan lapisan lemak omentum) keluar abdomen yang dilapisi membrane nipis yang membentuk kantung atau hernia sac. Ianya dikenali masyarakat umum sebagai angin pasang disebabkan bonjolan ini ternampak dan adakalanya tidak.

Terdapat berbagai jenis hernia yang boleh menonjol di badan kita. Antaranya ialah

- Hernia Inguinal
- Hernia Femoral
- Hernia Hirisan
- Hernia Spigelian
- Hernia Umbilical

Hernia Inguinal

Ianya berlaku di perkelangkang kaki dan 75 peratus masalah hernia di sebabkan oleh inguinal hernia. Golongan lelaki lebih kerap menghadapi masalah ini berbanding golongan wanita. Inguinal hernia ini terdiri daripada dua jenis iaitu inguinal hernia langsung (direct) dan inguinal hernia tidak langsung (indirect).

Inguinal hernia langsung berlaku pada kawasan di mana dinding abdomen agak kurang tebal. Ia biasanya tidak menonjol ke dalam skrotum. Hernia langsung ini lebih

cenderung berlaku kepada mereka yang berada di peringkat pertengahan umur dan orang tua. Ini disebabkan dinding abdomen menjadi semakin lemah bila umur meningkat. Inguinal hernia tidak langsung ini berlaku akibat bonjolan terkeluar melalui jalan yang pernah dilalui oleh testis (buah pelir) semasa perkembangan di peringkat janin dahulu. Kadangkala bonjolan ini terkeluar ke dalam kantung buah zakar. Biasanya hernia jenis ini berlaku pada usia yang muda

Hernia Hirisan (Incisional hernia)

Hernia hirisan pula atau incisional hernia berlaku di sebabkan daripada potongan di abdomen semasa pembedahan. Ia menyebabkan kawasan bekas hirisan ini menjadi lemah. Hernia hirisan boleh terjadi pada bahagian yang lemah ini. Ia boleh berlaku dalam dua hingga 10 peratus selepas pembedahan abdomen. Pesakit pesakit ini seringkali mengalami masalah bonjolan yang besar di sekitar parut pembedahan.

Lazimnya pembedahan terpaksa dilakukan sekali lagi dimana lapisan abdomen di perketatkan dengan jarring (mesh) untuk mengelakkan hernia ini berulang. Kebiasaannya pembedahan ini sedikit sukar di lakukan akibat kesan pembedahan sebelumnya di mana kecederaan usus boleh berlaku.

Hernia Femoral

Femoral canal atau saluran femoral adalah terusan di mana saluran darah arteri, vena dan saraf femoral keluar daripada bahagian abdomen ke bahagian paha. Biasanya saluran ini ketat dan padat, tetapi kadangkala ia menjadi besar untuk membolehkan kandungan abdomen menonjol ke



dalam saluran tersebut. Hernia femoral menyebabkan bonjolan di bahagian bawah lipatan kelangkang, di kawasan tengah paha.

Biasanya berlaku kepada wanita dan lebih berisiko dimana ia tidak boleh ditolak masuk memandangkan terowong femoral yang sempit dan seringkali terpaksa menjalani pembedahan untuk merawat masalah ini.

Hernia Spigelian

Hernia ini berpunca bila kandungan di dalam abdomen terkeluar di antara dua lapisan abdomen iaitu otot rektus (rectus abdominis) dan otot-otot lateral oblique. Biasanya Hernia ini memang jarang di dengar kerana kerap tidak berlaku. Namun hernia ini kebiasaannya berlaku kepada golongan lelaki yang berumur lebih 50 tahun. Ianya berlaku kerana kelemahan di lapisan abdomen di sebabkan daripada pembedahan atau stress fizikal berlamaan pada abdomen. Ia berbeza daripada hernia hirisan dari segi lokasi dan sukar dikenal pasti.

Hernia Tali pusat (umbilical)

Hernia ini adalah bonjolan yang berlaku di tali pusat. Ini berlaku di mana kandungan abdomen seperti usus atau lemak omentum menonjol keluar kelapisan abdomen di tali pusat. Kebiasaannya hernia ini berlaku kepada kanak-kanak tetapi boleh berlaku kepada golongan dewasa. Hernia ini boleh memberi kesakitan dan jika pesakit muntah semasa bonjolan ini bermakna sudah ada 'obstruction' di usus dan pembedahan perlu dilakukan. Hernia tali pusat ini lebih ketara di golongan yang ada masalah obesiti.

Faktor-faktor penyebab hernia

Hernia kebiasaannya berlaku disebabkan oleh peningkatan tekanan di dalam ruang abdomen berlebihan yang boleh menyebabkan bonjolan keluar daripada abdomen dan menyumbang kepada hernia. Antara faktor-faktornya ialah

- Obesiti,
- Mengangkat objek berat atau aktiviti angkat berat
- Batuk berlamaan seperti penyakit paru-paru kronik
- Meneran semasa buang air besar atau kecil
- Ada cecair di dalam ruang ab

domen atau ascites.

Tanda tanda hernia

Symptom yang utama adalah bonjolan yang tiba-tiba timbul di bahagian paha, inguinal atau di kesan parut pembedahan. Ianya akan timbul dan hilang sama sekali seperti angin pasang. Sesetengah bonjolan ini tidak akan hilang dan bila ini berlaku, pesakit akan mengadu kesakitan. Bila kantung hernia tersebut mengandungi usus kecil atau besar, pesakit akan mengalami "intestinal obstruction" dan akan mengalami masalah kembung perut. Keadaan ini memaksa pesakit terpaksa menjalani pembedahan untuk mengelakkan usus terboor.

Ada yang datang dengan gejala dan tanda-tanda yang teruk seperti bonjolan yang sakit (incarcerated). Kulit luar mungkin kelihatan merah kehitaman dan pesakit mungkin demam. Ini adalah akibat kandungan bonjolan seperti usus telah mengalami kekurangan bekalan darah akibat himpitan (jerutan) salur darah biasanya di lubang bukaan hernia. Ia dikenali sebagai angin pasang terbelit (strangulated hernia) dan memerlukan pembedahan serta merta untuk mengelakkan usus menjadi hitam atau ischaemia.


Rawatan

Rawatan untuk hernia adalah untuk mengelakkan faktor-faktor yang boleh meningkatkan tekanan di ruang abdomen. Ini terdiri daripada merawat sembelit dan juga masalah prostate yang membesar seperti benign prostatic hyperplasia (BPH). Kedua-dua faktor ini boleh menyebabkan masalah hernia inguinal dan mesti di rawat sebelum pembedahan boleh dilakukan untuk hernia inguinal.

Faktor obesiti juga adalah pemyumbang untuk masalah hernia tali pusat dan hernia hirisan. Oleh itu pesakit pesakit di galakkan untuk mengurangkan berat badan sebanyak 10-20% sebelum dapat menjalani pembedahan dengan jayanya.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan masalah hernia ini, anda boleh berhubung dengan saya, **Dr Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.**

Common Types of Hernia



Menggigil 'dihenjut' pari 10kg Kelong Umbai

SERKAM - Suasana sunyi pada jam 2 pagi di tengah lautan tiba-tiba bertukar kecoh apabila sebatang joran 15 kaki yang disandarkan pada tiang tiba-tiba direntap sang penghuni dasar.

Tali sulaman benang 25 pound (lbs) yang keluar tanpa henti menandakan ikan yang tersangkut pada

hujung mata kail bukanlah bersaiz 'kecil-kecil anak'.

Demikian detik-detik manis dikongsi sekumpulan kaki pancing yang dikenali sebagai Malacca Anglers Team ketika berkunjung ke sebuah kelong memancing di Umbai, di sini, baru-baru ini.

Walaupun niat hanya

sekadar mahu 'cuba-cuba' nasib, siapa sangka mereka mampu membawa pulang tangkapan lumayan dua ekor ikan pari tanjung seberat 10 kilogram (kg) dan 3 kg.

Menurut salah seorang wakilnya Ambran Mohamed, pengalaman bertarung dengan spesies dasar seberat 10 kg itu antara pen-

galaman yang tidak dapat dilupakannya.

Katanya, dengan berrumpukan udang hidup bersaiz jari kelingking, dia sama sekali tidak menyangka ia akan disambar sang pari yang dianggap ikan trofi bagi sesetengah kaki pancing berikutan larian bertenaganya sebak melarikan umpan.

"Memang kalam-kabut jadinya bila joran yang ditetakkan di tiang kelong rebah disambar sang pari.

"Walaupun beberapa kali ikan itu memcut, saya cuba bertenang dan melayannya dengan sabar berdasarkan pengalaman bertarung dengan spesies sama sebelum ini.

"Alhamdulillah pertarungan kira-kira 15 minit itu berpihak kepada kami apabila ikan berkenaan mula lemah dan berjaya dinaikkan ke atas kelong," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Menurut Ambran, dia bersama sembilan lagi pemancing turut tidak menangan melayan pelbagai

AMBRAN menunjukkan pari berjaya dinaikkan di sebuah kelong di Umbai.



MALACCA Anglers Team bersama hasil tangkapan.

spesies lain seperti sembilang, tuka, duri, malong, tanda dan gelama.

Malah katanya, umpan hidup yang dilepaskan di bawah kelong turut disambar ikan siakap bersaiz besar.

"Namun, ia gagal dinaikkan apabila ikan berkenaan melarikan diri ke arah tali kupang yang dipasang pada kelong sebelum tali 100lbs yang digunakan putus begitu sahaja," katanya.

Menurutnya lagi, wa-

alaupun kelong itu baru sahaja beroperasi kira-kira sebulan, namun kedudukannya yang strategik berhampiran Pulau Besar dan berhampiran paluh ikan menjadikan hasil tangkapan pemancing cukup memberangsangkan.

Dengan keluasan sesuai untuk 20 pemancing satu-satu masa, kelong berkenaan juga menawarkan kelengkapan asas seperti lampu, bekalan air bersih dan tempat memasak.

Drag Race litar lumba 'halal' di Melaka

Faris Haikal Zakaria

MERLIMAU – Dr As. 100 Days Drag Race yang julung kali diadakan di Semenanjung Barat Malaysia bakal memberi impak positif kepada dunia permotoran termasuk mengasah bakat baru di litar lumba.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau, Dr Muhamad Akmal Saleh berkata, trek sepanjang 750 meter dalam kawasan perindustrian itu melibatkan penyertaan kira-kira 90 buah kereta dan 70 buah motosikal dari seluruh Malaysia mengikut garis piawai ditetapkan.

Katanya, penganjuran itu secara tidak langsung memberi platform buat peminat dunia perlumbaan dari seluruh Malaysia untuk mengasah bakat di litar yang disediakan sekali gus mengelakkan kegiatan lumba haram.

"Apa bezanya kita berlumba di litar F1 dan di sini? Tak ada bezanya. Kedua-duanya perlu mengikut undang-undang yang betul dan kita di sini melatih mereka mengikut peraturan sepatutnya.

"Jadi Drag Race atau kita panggil Hab Permotoran Merlimau ini



DR Akmal menyerahkan cenderahati kepada Datuk Rahmad Mariman (kiri) pada Majlis Perasmian Dr AS 100 Days Drag Race, hadir sama, Yang Dipertua MPHTJ, Datuk Shadan Othman dan Timbalan Ketua Polis Melaka, Datuk Razali Abu Samah

bersifat kekal bukan hanya hujung minggu tetapi harian, geng-geng permotoran kalau mahu 'test skill' (uji kemampuan) jentera boleh bawak elit dan kita 'race' ikut peraturan," katanya pada Majlis Perasmian Dr AS 100 Days Drag Race, 26 Feb lalu.

Majlis dirasmikan EXCO Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam, Infrastruktur dan Penguru-

san Banjir negeri, Datuk Rahmad Mariman dan turut dihadiri Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Datuk Shadan Othman dan Timbalan Ketua Polis negeri, Datuk Razali Abu Samah.

Katanya, idea menganjurkan acara itu timbul berikutan ramai dalam kalangan anak muda yang mahu menunjukkan bakat namun

dengan cara salah dan melanggar undang-undang apabila terbabit dalam aktiviti lumba haram.

Dr Akmal yang juga EXCO Kesihatan dan Antidadah negeri berkata, pembinaan litar itu juga antara inisiatif menyantuni dan membalas jasa pengundi dalam kalangan golongan muda.

"Kemudahan ini seperti kita tunaikan janji kepada golongan muda

yang mahukan hiburan dan tempat untuk mereka bergiat dalam aktiviti diminati dengan cara sah dan tanpa dikenakan tindakan undang-undang.

"Jadi kita tidak mahu lagi dengar ada geng-geng motor yang berlumba, fasiliti di litar ini lengkap ada pegawai memantau daripada segi peraturan untuk memastikan semua pelumba pakai helmet, jaket dan kasut," katanya.

Atas sambutan menggalakkan, Dr Akmal turut bercadang untuk memperluaskan acara tersebut sebagai satu tarikan di Merlimau, sekali gus menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri Pelancongan Permotoran.

"Sasaran kita selain nak memperkenalkan Merlimau di mata Malaysia, kita nak melahirkan dan mencungkil lebih ramai bakat tempatan kerana tidak mustahil selepas ini ada Valentino Rossi lahir di Melaka.

"Tak salah rasanya kalau kita nak jadikan ini acara tahunan mahupun bulanan. Jadi pelumba 'jalan lurus' kalau nak tunjuk taring sangat datanglah ke Merlimau," katanya.

Terowong 'angker' sudah dibersihkan



PENDUDUK Samsul Bahari, 53 menggunakan terowong pejalan kaki di Kampung Bukit Palah bagi melintasi Lebuhraya Alor Gajah-Melaka Tengah-Jasin (AMJ) untuk ke Masjid Al Azim dan premis sekitarnya.
Foto Iqmal Haqim Rosman

BANDARAYA MELAKA: Terowong untuk melintasi Lebuhraya Alor Gajah-Melaka Tengah-Jasin (AMJ) untuk ke Masjid Al Azim dan premis sekitarnya sebelum ini suram dan tidak terurus sudah dibersihkan petugas Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) sekali gus memberikan keselesaan kepada orang ramai.

Menerusi perkongsian Facebook JAPERUN Pengkalan Batu, terowong berkenaan dan persekitarannya kelihatan lebih bersih dan terjaga.

Kerja pembersihan dilakukan SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) manakala Jabatan Kerja Raya (JKR) Melaka membaiki sisem pendawaian elektrik dan memasang

lampu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Batu Datuk Kalsom Noordin juga dijangka mengaturkan satu Program Gotong-Royong Perdana penduduk bagi membersihkan dan mengindahkan lagi terowong berkenaan.

Terdahulu tinjauan Melaka Hari Ini (MHI) mendapati kemu-

dahan terowong di situ telah dilengkapi kemudahan asas seperti lampu, namun kebanyakannya sudah rosak.

Masalah itu menyebabkan keadaan sekitar terowong kelihatan suram dan menakutkan sekaligus mengancam keselamatan penduduk yang melalui terowong yang jaraknya kira-kira 50 meter ke Masjid Al-Azim.

Lebih membimbangkan, terowong berkenaan didakwa sudah mula menjadi tumpuan gelandangan.

Selain gelap, keadaan laluan pejalan kaki terowong juga agak kotor dengan sisa sampah dan ditakungi air kesan daripada kejadian banjir kilat yang melanda kawasan itu baru-baru ini.

Susulan itu, penduduk setempat khususnya golongan warga emas yang berulang-alik ke Masjid Al Azim merayu keperihatinan pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit agar menyelenggara dan menambah baik kemudahan terowong tersebut dengan segera.

Salah seorang penduduk Bukit Palah yang ditemui, Ahmad Alijah, 55, berkata, dia kerap menggunakan terowong di situ untuk ke masjid pada siang hari namun memilih melintas lebuh raya pada waktu malam disebabkan keadaan terowong yang agak gelap.

"Siang hari tiada masalah

sebab walaupun terowong agak suram namun keadaannya masih terang tetapi bila waktu malam, keadaan sekitar terowong agak menakutkan kerana suasana sekelilingnya agak sunyi dan gelap.

"Sebab itu, kalau lepas solat Isyak, pak cik memilih untuk melintas lebuh raya kerana bukan sahaja takut dengan keadaan gelap sekelilingnya, pak cik bimbang diancam oleh individu yang sering melepak dalam terowong pada waktu malam," katanya.

Pesara itu juga berharap agar PBT terbabit dapat meningkatkan kerja penyelenggaraan pada terowong tersebut terutama memastikan kemudahan lampu di situ berfungsi dengan baik, sekali gus menerangi laluan terowong pada waktu malam.

Bagi Rahimah Alaudin, 38, keadaan terowong yang agak gelap dan menakutkan sewajarnya diberi perhatian oleh PBT terbabit kerana dibimbangi mengundang jenayah seperti kes ragut serta rogol.

"Situasi ini sering mengahntui penduduk di sini setiap kali anak-anak kami mahu menggunakan terowong untuk menyeberang lebuh raya.

"Sebaiknya tindakan mencegah perlu dilakukan segera bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini berlaku pada masa akan datang," katanya.



HAK MILIK KEKAL

20' x 70' Untuk Bumiputera Sahaja

RUMAH TERES 2 TINGKAT

MOLEK RESIDENCE



Watch Interior **360°** view >>
<https://molekresidence.weebly.com/>

DIBUKA UNTUK PENDAFTARAN

06-337 3333

2.2282773,
102.3281568



Sri Chini Business Facebook Award 2018



Golden Eagle Award Emerald Flag 2018

Pemaju:



PADUWAN
REALTY SDN BHD

Satu lagi projek berprestij oleh:



PB
REALTY



CCTV cam wajah ringankan beban tugas polis

BEMBAN - Inisiatif 'Smart City Policing' bakal mengurangkan beban kerja pegawai dan anggota polis Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka.

Ketua Polis Melaka, Datuk Wira Abdul Majid Mohd Ali berkata, menerusi inisiatif itu pihaknya akan mengaplikasikan teknologi 'face recognition' (pengecaman wajah) yang memudahkan lagi proses mengesan, menjejak dan mengelakkan penjenayah daripada berlaku.

Katanya, bagi tujuan itu Polis Melaka bekerjasama dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri ini.

"UTeM memiliki teknologi pengecaman wajah, manakala kerjasama den-

gan PBT pula membabitkan kemudahan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan pentadbiran masing-masing.

"Maknanya kita mempunyai data jenayah dan kita akan gunakan sistem Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) menerusi face recognition itu untuk tindakan pantas polis.

"Walaupun individu yang wajahnya dirakam menerusi CCTV itu tidak melakukan jenayah namun jika dia ada rekod jenayah kita akan ambil tindakan cegah jenayah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Balai Polis Bemban di sini, 22 Feb lalu, yang turut dihadiri Timbalannya, Datuk Razali Abu Samah dan Ketua Polis Jasin, Deputy Superintendan Mispani Hamdan.

Menurutnya, bagi peringkat permulaan, projek berkenaan akan dilaksanakan di lokasi tumpuan pelancong Jonker Walk, di daerah Melaka Tengah pada Mac ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, secara teorinya berdasarkan piawai standard Polis Antarabangsa (Interpol) bagi nisbah penduduk dan polis iaitu 1:250, pasukan polis di negara ini kekurangan tenaga manusia untuk mengawal keselamatan penduduk.

Justeru katanya, pengurangan kepolisan tidak lagi menumpukan kepada konsep konvensional tetapi diselarikan mengikut arus pemodenan dan teknologi IR4.0.

"Memandangkan Melaka adalah negeri pelancongan, jadi kita cuba melaksanakan projek itu



ABDUL Majid menandatangani plak perasmian Balai Polis Bemban.

dan memanfaatkan penggunaan teknologi bagi membangunkan bandar selamat berkonsepkan pelancon-

gan. "Dalam setahun kira-kira 15 juta pengunjung melawat Jonker Walk dan jika

inisiatif itu berjaya dilaksanakan di kawasan itu, kita akan perluaskan ke seluruh negeri Melaka," katanya.

Tidak rela berpisah motif tikam kekasih

BATU BERENDAM - Tidak rela berpisah dipercayai motif seorang lelaki bertindak menikam teman wanitanya dalam kejadian di Jalan Pegaga, Taman Merdeka pada 19 Feb lalu.

Ketua Polis Melaka, Datuk Wira Abdul Majid Mohd Ali berkata, lelaki terbabit yang menikam diri sendiri dalam kejadian sama dipercayai tidak berpuas hati dengan keputusan wanita terbabit untuk berpisah.

"Motif kejadian itu disebabkan perpisahan yang tidak direlakan,

maknanya teman lelaki tidak berpuas apabila mangsa minta untuk berpisah.

"Walau bagaimanapun, kita masih juga tengok daripada beberapa sudut lain untuk menangkap siasatan. Setakat ini hasil siasatan awal mendapati tiada penglibatan pihak lain, hanya melibatkan mangsa dan teman lakinya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Balai Polis Bemban di sini, 22 Feb lalu yang turut dihadiri

Timbalannya, Datuk Razali Abu Samah dan Ketua Polis Daerah Jasin, Deputy Superintendan Mispani Hamdan.

Terdahulu, Melaka Hari Ini melaporkan polis menemukan lebih empat kesan tikaman pada badan mayat wanita berusia 22 tahun pada badan mayat wanita yang dipercayai dibunuh teman lakinya berusia 33 tahun sebelum membunuh diri dalam kejadian kira-kira jam 5 petang 19 Feb lalu.



LOKASI kejadian seorang lelaki menikam kekasihnya di sebuah rumah di Jalan Pegaga, Taman Merdeka sebelum bertindak membunuh diri.

Kerja tak dapat wang RM144,000 lebur

AYER MOLEK - Seorang lelaki mengalami kerugian RM 144,000 selepas diperdaya tawaran kerja bersama syarikat perkapalan di Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil negeri, Superintendan E Sundra Rajan berkata, mangsa lelaki berusia 27 tahun itu dikatakan menerima tawaran kerja palsu itu menerusi e-mel pada 1 Dis tahun lalu.

Mangsa kemudiannya telah berurusan dengan suspek lelaki yang memperkenalkan diri sebagai Frederick Alamini melalui aplikasi Whatsapp.

Beliau berkata, mangsa yang juga bekas pekerja perkapalan kemudiannya menggunakan wang simpanan peribadi dan wang bantuan keluarga untuk membuat transaksi secara berperingkat sebanyak 29 kali bagi urusan dokumentasi.

"Pada 20 Dis 2021 hingga 9 Feb 2022, mangsa telah diarah untuk membuat bayaran secara berperingkat sebanyak 29 kali ke dalam dua akaun untuk membuat bayaran bagi urusan VISA UAE, pemeriksaan doktor, membuka akaun bank negara dan lain-lain syarat.

"Dan pada 10 Feb lalu, mangsa menerima e-mel daripada syarikat kurier untuk menghantar dokumen dan tiga hari selepas itu, mangsa menerima panggilan dari suspek untuk meminta bayaran sebanyak RM25,000 sebagai yuran 'anti money laundry certificate', namun mangsa enggan membuat bayaran.

"Sehingga laporan polis dibuat pada 21 Feb lalu di Balai Polis Kandang, mangsa tidak menerima sebarang maklum balas selepas berasa diperdaya," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Mengulas lanjut, Sundra Rajan turut menasihati orang ramai supaya sentiasa berhati-hati dengan tawaran kerja yang meragukan.

"Orang ramai perlu berhati-hati dan jangan membuat sebarang transaksi pembayaran serta membuat semakan keatas nombor telefon atau nombor akaun meragukan di aplikasi 'Semak Mule CCID' menerusi aplikasi Playstore bagi membendung jadi mangsa penipuan.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 420 kanun keseksaan kerana kesalahan menipu," katanya.

COMPETENT MANUFACTURING ENGINEER (CME) MC-127-B

PROGRAM INI DIKHUSUSKAN KEPADA LEPASAN SISWAZAH DALAM BIDANG KEJURUTERAAN. MODUL YANG AKAN DIPELAJARI ANTARANYA ADALAH MAINTENANCE COORDINATION, 7 QC TOOLS, FMEA, PROJECT MANAGEMENT, COMMUNICATION SKILL, RESUME WRITING, BUSINESS ENGLISH COMMUNICATION, SURFACE MOUNTING TECHNOLOGY (SMT), SUPERVISORY SKILL, LEAN MANUFACTURING, ENGINEERING TECHNIQ DAN MANUFACTURING PROCESS FLOW

DAFTAR SEKARANG TEMPAT TERHAD

SYARAT KEMASUKAN

- LEPASAN SISWAZAH (DIPLOMA/ IJAZAH)
- WARGANEGARA MALAYSIA
- SIHAT TUBUH BADAN
- BERUMUR 21 -35

KELEBIHAN PROGRAM

- ELAUN SARA HIDUP
- SARAPAN DAN MAKAN TENGAHARI DISEDIAKAN
- PENGINAPAN DISEDIAKAN
- PENGANGKUTAN DISEDIAKAN
- *PENEMPATAN PEKERJAAN SELEPAS TAMAT LATIHAN *TERMA DAN SYARAT

SIJIL DIPEROLEHI

- PENYATA CAPAIAN (PC) DIBAWAH JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK), SIJIL PROFESSIONAL FESTECH & SIJIL PENYERTAAN MISDEC

TEMPOH PENGAJIAN

- 4 BULAN SAHAJA

UNTUK PENDAFTARAN SILA HUBUNGI:
06-335 3576 019-206 3356

Laman Rasmi MISDEC | misdecofficial | @ohmisdec | MISDEC

DIANJURKAN OLEH :

DITAJA OLEH :

EXPERT CRAFTSMAN PROGRAMME PNEUMATIC/ ELECTRO-PNEUMATIC

PROGRAM LATIHAN UNTUK SISWAZAH

- ELAUN SARA HIDUP
- SARAPAN DAN MAKAN TENGAHARI DISEDIAKAN
- PENGINAPAN DISEDIAKAN
- PENGANGKUTAN DISEDIAKAN
- *PENEMPATAN KERJA SELEPAS TAMAT LATIHAN *Bergantung kepada prestasi kerja sepanjang latihan

SYARAT KEMASUKAN

- BERUMUR 21-26 TAHUN
- TEMPOH LATIHAN 2 BULAN SAHAJA
- BUMIPUTERA BERWARGANEGARA MALAYSIA
- TIDAK MELEBIHI TEMPOH 3 TAHUN SELEPAS TAMAT SIJIL TERTINGGI
- TIDAK BERKERJA SEMASA DALAM TEMPOH PERMOHONAN DAN LATIHAN.
- LEPASAN DIPLOMA/IJAZAH SARJANA MUDA DALAM BIDANG KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI (CGPA MINIMUM 2.50)

IMBAS KOD UNTUK PENDAFTARAN

DAFTAR SEKARANG TEMPAT TERHAD

SILA HUBUNGI:
06-335 3576 / 019-206 3356

Laman Rasmi MISDEC | misdecofficial | @ohmisdec | MISDEC

Diiktiraf oleh :

Dianjurkan oleh :

KEMASUKAN 2022

EKSEKUTIF PRODUK HALAL (EPH) HI-191-B

PELATIH AKAN MEMPEROLEHI SIJIL :EKSEKUTIF HALAL JAKIM, PENYATA CAPAIAN (PC) MODULAR HALAL JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK), SIJIL PENYERTAAN MISDEC PROGRAM 100% PERCUMA TAJAAN KERAJAAN, MODUL-MODUL PRAKTIKAL SEPERTI SEMBELIHAN HALAL, SERTU, AUDIT HALAL, LAWATAN KE INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN MODUL SOFTSKILLS, KOMUNIKASI BERKESAN, PENGURUSAN KEWANGAN.

DAFTAR SEKARANG TEMPAT TERHAD

SYARAT KEMASUKAN

- LEPASAN SISWAZAH (DIPLOMA/ IJAZAH)
- WARGANEGARA MALAYSIA
- SIHAT TUBUH BADAN
- BERUMUR 21 -35

KELEBIHAN PROGRAM

- ELAUN SARA HIDUP
- SARAPAN DAN MAKAN TENGAHARI DISEDIAKAN
- PENGINAPAN DISEDIAKAN
- PENGANGKUTAN DISEDIAKAN
- *PENEMPATAN PEKERJAAN SELEPAS TAMAT LATIHAN *TERMA DAN SYARAT

SIJIL DIPEROLEHI

- EKSEKUTIF HALAL JAKIM, PENYATA CAPAIAN (PC) MODULAR HALAL JPK DAN SIJIL PENYERTAAN MISDEC

TEMPOH PENGAJIAN

- 4 BULAN SAHAJA

UNTUK PENDAFTARAN SILA HUBUNGI:
06-335 3576 019-206 3356

Laman Rasmi MISDEC | misdecofficial | @ohmisdec | MISDEC

DIANJURKAN OLEH :

DITAJA OLEH :

PEMASANGAN SISTEM KEJURUTERAAN AUTOMASI INDUSTRI MC-091-3:2016

PROGRAM INI BERMAKSUD GABUNGAN DARI MEKANIKAL DAN ELEKTRONIK. SILIBUS PEMBELAJARAN ANTARANYA ADALAH; LUKISAN KEJURUTERAAN, LUKISAN BERBANTUKAN KOMPUTER AUTOCAD, ELEKTRIK, ELEKTRONIK, MEKANIKAL, PERMESINAN, PROGRAMMING, PNEUMATIK, HIDRAULIK, SUPERVISORY SKILL DAN PENYELENGGARAAN. PELUANG PEKERJAAN : INDUSTRI, MAINTENANCE, KONTRAKTOR, PENGAJAR TVET, PELUANG SAMBUNG BELAJAR DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA (DKM), JIKA TAMAT DKM BOLEH SAMBUNG IJAZAH SARJANA MUDA DIMANA-MANA UNIVERSITI YANG MENAWARKAN PROGRAM BAGI LEPASAN MEKATRONIK INI

DAFTAR SEKARANG TEMPAT TERHAD

SYARAT KEMASUKAN

- LEPASAN SEKOLAH
- WARGANEGARA MALAYSIA
- SIHAT TUBUH BADAN
- BERUMUR 16-25 TAHUN

KELEBIHAN PROGRAM

- ELAUN SARA HIDUP
- SARAPAN DAN MAKAN TENGAHARI DISEDIAKAN
- *PENEMPATAN PEKERJAAN SELEPAS TAMAT LATIHAN *TERMA DAN SYARAT

TEMPOH PENGAJIAN

- 1 TAHUN 6 BULAN TERMASUK LATIHAN INDUSTRI 3 BULAN

SIJIL DIPEROLEHI

- SIJIL KEMAHIRAN MALYSIAN TAHAP 3 JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

UNTUK PENDAFTARAN SILA HUBUNGI:
06-335 3576 019-206 3356

Laman Rasmi MISDEC | misdecofficial | @ohmisdec | MISDEC

Malakat Mall Masjid Tanah 'pindah ke rumah yang lebih kecil'

MASJID TANAH - Pusat Beli-Belah Malakat Mall yang menjadi kebanggaan penduduk sekitar Masjid Tanah akan berpindah ke bangunan lain susulan kegagalan mencapai persetujuan berhubung isu kos sewa bangunan dengan pemilik asal MARA Incorporated Sdn Bhd (Mara Inc).

Perkara itu dikongsi oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Malakat Mall, Mohd Fadzil Hashim menerusi Facebooknya baru-baru ini.

Menerusi hantaran itu beliau berkata, rundingan dengan pemilik asal bangunan itu dimulakan sejak beberapa bulan lalu namun gagal mencapai sebarang persetujuan.

"Kami minta berunding semula terma-termannya sebab situasi PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) yang berpanjangan. Pada tahun kedua, sewanya adalah RM70,000 sebulan. Dengan jualan yang kami dapat sekarang, memang mustahil kami boleh bertahan di sana.

"Kerana itu, kami terpaksa buat keputusan untuk keluar dan kami telah pun diminta untuk keluar oleh Mara Inc. Ini keputusan yang terpaksa kami lakukan. Jadi saya membuat pengumuman yang kami akan keluar dari bang-



BANGUNAN Malakat Mall, Masjid Tanah.

unan itu," katanya.

Katanya, bagi memastikan kakitangan sedia ada tidak hilang mata pencarian pihaknya mengambil keputusan untuk berpindah ke bangunan yang lebih kecil dan meneruskan operasi di Mas-

jid Tanah.

"Atas sebab itu, kami tidak membuang walaupun seorang staf. Kami tawarkan semua staf untuk melibatkan diri dalam versi Malakat Mall yang lebih kecil.

"Itu komitmen saya. Saya tak

sanggup nak berhentikan staf walaupun kami tak cukup kekuatan kewangan untuk menampung keperluan mereka.

"Jadi kami buat keputusan untuk mencari tiga lot kedai. Dua untuk 'grocer' dan satu untuk



MOHD Fadzil

'F&B'. Kakitangan lain akan ditugaskan untuk mengendalikan 'wagon Tea Amo' sekitar Melaka sebab kami dah ditawarkan oleh beberapa pasar raya untuk memajukan 'Tea Amo'. Cuma kami belum ada staf," katanya.

Bagi perancangan dalam masa kurang dua atau tiga tahun, pihaknya mensasarkan untuk bangkit semula dan cuba perbaiki kelemahan-kelemahan yang ada.

"Beroperasi di tempat yang lebih kecil tetapi cukup untuk memenuhi keperluan Masjid Tanah. Mungkin tak ada bangunan cantik tetapi lot kedai pun okeylah," katanya.

Ayam percik Hutan Percha kegemaran PM

Siti Salehah

MACHAP JAYA - Jika premis makanan lain menyajikan pelbagai hidangan untuk menarik kehadiran pelanggan namun situasi itu berbeza dengan gerai Ayam Percik Hutan Percha apabila hanya menjual

ayam percik dan air sirap.

Walaupun sudah beroperasi lebih 25 tahun, namun gerai yang diusahakan Hassan Saad, 65, masih mengekalkan menu sama dan tidak berubah malah menjadi tarikan dalam kalangan pelanggan.

Menurut Hassan atau

lebih dikenali dengan panggilan Pak Itam, ketika awal perniagaannya dulu dia bersama isteri Rosnani Ali, 55, hanya menjual dibawah payung sebelum berpindah dan membuka gerai disebelah rumahnya di Kampung Felda Hutan Percha.

Katanya, dia yang

sebelum ini bekerja sebagai penoreh getah berniaga ayam percik untuk menambah pendapatan namun tidak sangka akan mendapat sambutan luar biasa dan mampu bertahan sehingga ke sekarang.

"Sejak 25 tahun lalu memang ini sahaja men-

unya, ayam percik dan air sirap malah pelanggan yang sudah biasa ke sini sudah tahu, kalau dipesannya teh o ais memang tidak dapat la.

"Selain itu waktu operasinya juga masih sama dan tidak berubah, saya hanya berniaga setiap hari Jumaat dan Ahad sahaja, bermula jam 11 pagi sehingga ayam habis," katanya.

Ujarnya, ayam percik dijualnya sama sahaja seperti dijual di tempat lain tetapi mungkin kerana kelainan kuahnya itu membuat digemari ramai termasuk pelanggan dari Singapura dan juga Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Kalau lihat luaran sama sahaja ayam yang saya jual dengan tempat lain tetapi apa yang pelanggan cakup rasa kuahnya itu yang lain dan sedap sehingga mereka jatuh hati.

"Saya sendiri pun tidak sangka Perdana Menteri turut menggemarnya, malah ketika dia menjawat jawatan menteri dulu beliau

pernah ke sini sama juga dengan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali," katanya.

Menurut Pak Itam, untuk mendapat rasa kuah seperti sekarang ini dia mengambil masa beberapa tahun sehinggalah terhasil resepi yang dikekalkan sehingga ke hari ini.

"Bertahun juga untuk dapat kuah seperti sekarang ini, kuah ini saya yang sediakan isteri cuma membantu sahaja malah terdapat juga beberapa individu yang ingin membeli resepinya tetapi buat waktu ini saya belum terfikir lagi untuk menjualnya," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machap Jaya, Ngwe Hee Sem berkata, memandangkan perniagaan Pak Itam sudah mendapat sambutan luar biasa termasuk pelancong luar, pihaknya akan berbincang dengan MOTAC untuk menjadikan ia sebagai produk pelancongan di kawasan itu.



HEE Sem (kiri) bersama Hassan (tengah) yang mengusahakan gerai menjual ayam percik di Kampung Felda Hutan Percha.

Bukit Gapis mutiara tersembunyi Melaka

Faiz Hasan

ASAHAN - Keunikan Bukit Gapis yang terletak antara dua titik sempadan Melaka dan Negeri Sembilan menyimpan pelbagai sejarah sejak zaman sebelum kemerdekaan negara.

Sebalik kehijauan dan misteri 'Gunung Melaka' ini sebenarnya menyimpan pelbagai sejarah penduduk sekitar Asahan dan Negeri Sembilan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Mantai, Abdul Halim Majid berkata nama Bukit Gapis dipercayai diambil sempena pokok Gapis yang banyak di kawasan itu.

Beliau berkata, ketika perkampungan itu mula dibuka, pokok gapis menjadi sumber utama penduduk bagi membangunkan pondok, kandang ternakan dan pelbagai lagi kemudahan.

Katanya, sifat kayu gapis yang tahan lama dan lasak menyebabkan ia menjadi pilihan utama penduduk khusus bagi aktiviti pembinaan.

"Kawasan bentuk muka bumi di kampung ini dikelilingi kehijauan alam dan jauh daripada kawasan pantai membuatkan sumber makanan juga diambil daripada kawasan bukit gapis.

"Bukit Gapis juga merupakan satu-satunya lokasi tanah tinggi di Melaka mempunyai jeram yang menjadi habitat pelbagai jenis hidupan.

"Jeram dinamakan Jeram Tok

Janggut merupakan kawasan utama penduduk untuk menangkap hasil sungai seperti ikan dan udang suatu ketika dahulu," katanya.

Dalam padaitu, kawasan bukit itu telah diiktiraf sebagai kawasan tertinggi di Melaka pada tahun 2020 selepas ia diangkat oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Asahan ketika itu iaitu Allahyarham Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan.

"Allahyarham telah mengetengahkan kepada Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam ketika itu.

"Akhirnya kawasan ini diangkat sebagai lokasi puncak tertinggi di Melaka," katanya.

Abdul Halim berkata, kawasan itu kini diangkat dan dinamakan Bukit Gapis Gunung Melaka (BGGM) akan dijadikan lokasi peminat sukan ekstrim dan kawasan rekreasi tidak lama lagi.

"Mungkin sudah lama mutiara ini terbenam, kita tak nampak pun potensinya sebelum ini, kebelakangan ini ada kesedaran dan kita sudah rangkakan perancangan.

"InsyAllah mutiara itu akan kita gilap yang betul-betul menarik dan tarik perlancong dari Singapura dan Johor sekali gus menjadikan ia antara kawasan tarikan perlancongan di Melaka," katanya.

PEMANDANGAN dari puncak Bukit Gapis.



BATU sempadan antara Melaka dan Negeri Sembilan bertarikh 1901 di puncak Bukit Gapis.



**PILIHAN
RUANG IKLAN
TERBAIK 2022**

MELAKA HARI INI

**TEMPAHAN IKLAN
018 329 9936**

- AUTOMOTIF**
Kereta
Motosikal
Trak
Bas
Lori
- HARTANAH**
Perumahan
Rumah Kedai
Lot Tanah
- KERJAYA**
Sepenuh masa
Separuh masa
Latihan
Skim Graduan
- KLASIFIKASI AM**
Perkhidmatan
Kecantikan
Kesihatan
Perabot
- NOTIS**
Lelongan
Guaman
Kewangan
Tender
Notis Am

Proaktif pacu kembali pelancongan golf

Fiqa Jamal

AYER KEROH - Pemain industri pelancongan perlu lebih proaktif dan kreatif dalam menarik kehadiran pelancong untuk menghidupkan kembali pelancon-

gan golf di negara ini yang terjejas akibat COVID-19.

Presiden Malaysia Inbound Tourism Association (MITA) Uzaidi Udanis berkata, penganjuran Melaka Tourism Golf Challenge 2022 dilihat mampu men-

jadi platform dalam menaikkan kembali pelancongan golf.

Katanya, hal itu penting kerana Malaysia kini perlu bersaing dengan negara luar yang semakin berkembang dalam industri

pelancongannya terutama dari Thailand, Arab Saudi dan Singapura.

"Kejohanan hari ini kita anggap sebagai satu kick starter untuk pelancongan golf (golf tourism). Kita tahu pelancongan golf ini satu segmen yang penting dalam industri sukan dan pelancongan kerana kita ada 250 padang golf di seluruh Malaysia.

"Jadi, agensi pelancongan perlulah proaktif dalam menarik pelancong dan pada masa sama memperkenalkan sub sektor pelancongan golf di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas majlis penyampaian hadiah kejohanan Melaka Tourism Golf Challenge 2022 di Ayer Keroh Country Club (AKCC) di sini, 19 Feb lalu.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan negeri (SUK), Datuk Zaidi Johari,

Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Datuk Shadan Othman dan YDP Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), Mohd Fadhil Hassan.

Turut hadir, Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Tourism Malaysia, Saidi Bundan dan Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Melaka, Sa'ari Basiron.

Mengulas lanjut, katanya, dua inisiatif kerajaan iaitu program gelembung pelancongan (travel bubble) Langkawi dan skim Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin-Laluan Darat (VTL Darat) antara Singapura dengan Malaysia dilihat dapat menghidupkan semula pelancongan golf.

Katanya adalah satu kerugian apabila sejak Nov lalu lebih 4,500 pelancong yang datang Langkawi melalui inisiatif tersebut tidak dapat memanjangkan pen-



UZAIDI

ginapan mereka dan bermain golf.

"Kalau mereka (pelancong) tinggal lebih lama, mereka akan berbelanja lebih termasuklah bermain golf.

"Kita juga harap pada peringkat seterusnya dengan adanya prosedur operasi standard baharu Kementerian Pelancongan, pelancongan golf akan meningkat kembali," katanya.



UZAIDI (tiga kiri), Zaidi (tengah) dan Sa'ari (kanan) bergambar bersama pemenang-pemenang kejohanan Melaka Tourism Golf Challenge 2022 di AKCC, hari ini.

RTM penyiar bersama Liga Malaysia

PUTRAJAYA - Rakyat Malaysia berpeluang menyaksikan 44 siaran langsung perlawanan bola sepak Liga Malaysia 2022 yang dibawakan oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM).

RTM, agensi penyiaran di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dipilih selaku rakan penyiar bola sepak Liga Malaysia 2022 melalui kerjasama antara RTM, TM Unifi dan Liga Bola Sepak Malaysia (MFL).

Menteri Komunikasi dan Multimedia Tan Sri Annuar Musa berkata RTM akan menyiarkan siaran langsung perlawanan bola sepak terpilih menerusi empat platform iaitu TV1, TV Okey, Sukan RTM dan RTM Klik.

"Keperluan RTM sebagai rakan penyiar bola sepak tempatan akan membolehkan setiap pasukan dalam Liga Malaysia mendapat liputan siaran langsung perlawanan sepanjang musim 2022," katanya dalam sidang media selepas Majlis Pelancaran RTM Selaku Rakan Penyiar TM Unifi Untuk Bola Sepak Liga Malaysia 2022, di sini, baru-baru ini.

Annuar berkata perlawanan pertama yang akan disiarkan RTM ialah antara pasukan Johor Darul Ta'zim (JDT), selaku juara Liga Super dan Kuala Lumpur City FC, selaku juara Piala Malay-

sia bagi merebut Piala Sultan Haji Ahmad Shah, Sabtu ini sekali gus menandakan bermulanya Liga Malaysia 2022.

Selain perlawanan Piala Sumbangsih, RTM juga akan menyiarkan perlawanan-perlawanan dalam Liga Super, Piala FA dan Piala Malaysia.

Annuar berkata melalui kerjasama yang dibentuk membolehkan RTM melaksanakan tanggungjawab sosial selaku rakan penyiar bagi stesen tidak berbayar milik kerajaan untuk memberi siaran percuma kepada seluruh rakyat Malaysia terutamanya kepada mereka yang tidak memiliki akses siaran berbayar.

Sementara itu, Annuar berkata syarikat-syarikat di Malaysia yang menjana pendapatan tinggi wajar untuk bersama-sama membantu pembangunan bola sepak tempatan.

"Saya fikir banyak lagi di luar sana syarikat-syarikat swasta yang sebenarnya berkeupayaan untuk tampil ke hadapan dan melakukan sumbangan bermakna kepada pembangunan bola sepak Malaysia.

Bila liga tu maju dan dana mencukupi, pasukan-pasukan akan dapat manfaat darinya dan dapat memperkembangkan lagi program pembangunan bola sepak secara keseluruhan," katanya.

- BERNAMA

Piala FA: Melaka berdepan laluan mudah

KUALA LUMPUR - Kelab Bolasepak Melaka United (Melaka United FC) berdepan laluan mudah dalam pusingan pertama Piala FA 2022 apabila diundi menentang PIB FC dalam majlis undian, baru-baru ini.

Aksi pertama menentang wakil Liga M3 itu dijadual berlangsung di Stadium Hang Jebat yang dijadual pada 11 hingga 13 Mac depan.

Perlawanan tumpuan pusingan pertama Piala FA terarah kepada pertembungan di antara dua

kelab Liga Super iaitu Terengganu FC (TFC) dan Negeri Sembilan FC.

Selain itu, pertemuan di antara Petaling Jaya City FC (PJ City FC) dengan Kelantan FC juga bakal menjadi tumpuan peminat bola sepak.

Juara terbanyak Piala FA, Kedah Darul Aman FC dan Selangor FC pula bakal berdepan laluan mudah apabila masing-masing diundi menentang wakil Liga M3 Sains FC dan Harini FT.

Majlis undian bagi saingan Piala FA itu dibuat secara langsung

secara dalam talian dan disiarkan di Facebook rasmi Liga Bola Sepak Malaysia (MFL).

Piala FA 2022 bakal menampilkan kesemua 12 pasukan Liga Super, tujuh pasukan Liga Premier dan 15 pasukan Liga M3.

Untuk rekod, saingan Piala FA sebelum ini terhenti selama dua musim iaitu pada musim 2020 dan 2021 ekoran penularan pandemik COVID-19.

Saingan itu mula diperkenalkan pada tahun 1990.



TYT lancar jersi baharu MUFC

KRUBONG - Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam melancarkan jersi baharu Kelab Bolasepak Melaka United (MUFC) musim 2022 dalam majlis berlangsung di Stadium Hang Jebat, di sini, 25 Feb lalu.

Dua jersi dilancarkan iaitu jersi Home dan Away dengan jersi Home musim ini menggunakan warna hijau gelap dengan gabungan warna hijau muda dan hijau gelap di bahagian lengan.

Manakala jersi tempat lawan (Away)

pula menggunakan corak warna merah terang selain turut dilancarkan tiga jersi penjaga gol.

Hadir sama pada majlis itu EXCO Pembangunan Belia, Sukan dan NGO negeri, V P Shanmugan dan Ketua Pegawai Eksekutif MUFC, Datuk Wira Justin Lim Hwa Tat.

Turut berlangsung perlawanan persahabatan Piala TYT Yang Di-Pertua Negeri Melaka 2022 antara MUFC dan Selangor FC.

SKUAD Melaka United FC memper-

agikan Jersi Melaka United FC yang baharu sempena Majlis Pelancaran Jersi Melaka United FC dan Perlawanan Piala TYT Yang Di-Pertua Negeri Melaka di Stadium Hang Jebat, Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

Pada pelancaran ini MUFC juga mengumumkan senarai pemain yang bakal membawa cabaran pasukan bagi musim 2022.

Bagi musim 2022, MUFC menandatangani 27 pemain membabitkan 16 pe-

main baharu serta 11 pemain musim lalu.

Daripada jumlah itu, tiga import baharu dibawa masuk termasuk bekas penyerang MUFC 2018, Ifedayo Olusegun, pemain Sayap dari Ghana, Emmanuel Oti Essigba dan Pertahanan Kebangsaan Filipina, Justin Baas.

Dua import musim lalu iaitu Sony Norde (Haiti) dan Adriano Naarizo (Brazil) dikekalkan bagi membawa cabaran Skuad Hang Tuah menghadapi saingan Liga Malaysia 2022.



TUN Mohd Ali menerima replika jersi baharu MUFC disampaikan Pegawai Eksekutif MUFC, Datuk Wira Justin Lim Hwa Tat (kiri) sambil diperhatikan EXCO Pembangunan Belia, Sukan dan NGO negeri, V P Shanmugan.



BARISAN pemain dan jurulatih MUFC memakai jersi baharu.

Saya tak suka berangan - Vida

Faris Haikal Zakaria

KRUBONG - Ketua Jurulatih Kelab Bolasepak Melaka United (Melaka United FC), Risto Vidakovic tidak mahu meletakkan impian yang terlalu tinggi, sebaliknya akan memberi fokus terhadap meningkatkan mutu permainan pasukannya setiap hari.

Katanya, impian itu hanya akan memberi tekanan kepada pasukan dan menyebabkan mereka hilang fokus di atas padang.

"Itu cara saya bekerja. Saya nak mereka (pemain) fokus dengan setiap perlawanan berbanding meletakkan target tertentu.

"Kalau ikutkan perlawanan malam ini (25 Feb), banyak yang perlu diperbaiki lagi dan saya tak pandang kemenangan ini untuk tiket bersenang-lenang. Saya pun tak banyak masa sebelum liga," katanya ketika ditemui pemberita selepas merangkul Piala TYT yang berlangsung di Stadium Hang Jebat, Krubong.

Kemenangan itu membolehkan Melaka United merangkul Piala TYT yang disampaikan oleh Yang di-Pertua Melaka, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam.

Ditanya mengenai persediaan, beliau mengakui kesuntukan masa sewaktu sesi latihan dan kemasukan pemain baharu dalam tempoh yang singkat menjadi cabaran buatnya untuk membentuk keserasian antara pemain skuad itu.

"Saya percaya kalau diberi peluang, para pemain akan beraksi lebih cemerlang walaupun masanya agak suntuk dengan kemasukan pemain-pemain baharu.

"Apa pun saya percaya dengan semangat berjuang dan tidak putus asa, kita boleh harungi liga ini dan menampilkan mutu persembahan yang lebih baik," katanya.

Terdahulu, Tun Mohd Ali hadir merasmikan Pelancaran Jersi Melaka United FC 2022 dan menonton perlawanan itu bersama Ketua Pegawai Eksekutif KenTeam Sdn Bhd, Datuk Seri Justin Lim.



VIDA

Vida kena 'beli' masa

KRUBONG - Ketua jurulatih Kelab Bolasepak Melaka United (MUFC) Risto Vidackovic, perlu bijak mencari masa untuk memenuhi sasaran pengurusan tertinggi kelab itu bagi musim 2022.

Ketua Pegawai Eksekutif MUFC Datuk Wira Justin Lim Hwa Tat mensasarkan MUFC menduduki tempat tiga teratas bagi Liga Super musim 2022 akan datang.

"Dia (Vidakovic) kena ada masa, tapi saya menaruh keyakinan tinggi kepada beliau dan barisan pemain MUFC musim 2022 kali ini.

"Mereka ini profesional, tahu apa perlu dibuat dan persembahan apa sepatutnya ditonjolkan di atas padang. Bagi saya masa bukan penghalang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Jersi Melaka United FC 2022 di Stadium Hang Jebat, malam ini yang disempurnakan Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam, 25 Feb lalu.

Justin berkata selain keinginan berada di tangga tiga teratas liga beliau turut mengimpikan beberapa piala utama bolasepak tempatan menjadi koleksi MUFC.

Vidakovic yang berasal dari Bosnia dan Herzegovina menggantikan Zainal Abidin Hassan sebagai ketua jurulatih MUFC.

Sebelum ini Vidakovic mengakui berdepan cabaran hebat dalam mempersiapkan pasukan menghadapi pembukaan Liga Super musim 2022, awal bulan depan.

Dengan tempoh hanya sebulan untuk mempersiapkan pasukan, ia waktu yang cukup suntuk untuknya dan pasukan.

Namun, beliau enggan menjadikannya sebagai alasan, sebaliknya kekal fokus memanfaatkan masa yang ada untuk menyatukan skuad Hang Tuah.



JUSTIN

>>
 Saya tak suka
 berangan
 - Vida 31



MELAKA HARI INI / 28 FEBRUARI - 6 MAC 2022 >>

Sukan

MELAKA HARI INI



TYT lancar jersi baharu MUFC 31



TUN Mohd Ali Mohd Rustam bersama pasukan Melaka United FC menjulang piala kemenangan selepas menumpaskan pasukan Selangor FC melalui sepakan penalti pada Perlawanan Piala TYT Yang Di-Pertua Negeri Melaka di Stadium Hang Jebat, Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

Piala TYT milik Melaka United FC

Faris Haikal Zakaria

KRUBONG - Kelab Bolasepak Melaka United (Melaka United FC) berjaya merangkul Piala TYT setelah menewaskan Selangor FC dalam perlawanan di Stadium Hang Jebat, 25 Feb lalu.

Melaka United FC menang kepada Selangor FC menerusi sepakan penalti dengan jaringan 5-4.

Ia selepas kedua-dua pasukan itu terikat 3-3 sehingga minit terakhir perlawanan yang membawa kepada penentuan sepakan penalti.

Beraksi dengan kira-kira 1,000 penonton yang membanjiri stadium, kedua-dua pasukan nyata saling mengasak bagi memburu gol pertama perlawanan.

Melaka United FC tidak menunggu lama apabila Fadhli Shas membuka tirai jaringan pada minit ke-16 mengalahkan penjaga gol Selangor FC.

Tersentak dengan gol yang disumbat Melaka United, pemain import Selangor, Herlison De Sousa pantas menyamakan kedudukan selang dua

minit selepas itu.

Pasukan lawan sekali lagi menambah tekanan kepada Melaka United apabila Hyuri Henrique menyumbat gol seterusnya pada minit ke-22.

Bagaimanapun, Sony Norde tampil hero apabila menyamakan kembali kedudukan di hujung separuh masa pertama dengan gol yang cukup bergaya menjadikan kedudukan seri 2-2.

Bersambung di babak kedua, Herlison mengejutkan tuan rumah dengan gol mudah pada minit ke-79 mengalahkan penjaga gol Melaka United FC.

Disangka pulang dengan kekalahan, Melaka kembali mengikat semula kedudukan pada minit ke-82 apabila Syahril Azwari bijak mengintai peluang dan menyumbat gol buat pasukan.

Tuah menyebelahi Melaka United apabila sepakan penalti Syahir Bashah berjaya diselamatkan Bryan See.

Dengan kemenangan itu, Yang Di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam menyerahkan Piala TYT kepada kapten pasukan Melaka United, Sony Norde.

Jadual perlawanan Melaka United 2022

PETALING JAYA CITY FC VS MELAKA UNITED FC 5 MAC 2022 SABTU STADIUM MBRJ	KEDAH DARUL AMAN FC VS MELAKA UNITED FC 6 MEI 2022 JUMAAT STADIUM DARUL AMAN
PENANG FC VS MELAKA UNITED FC 8 MAC 2022 SELASA STADIUM BANDARAYA	MELAKA UNITED FC VS SELANGOR FC 10 MEI 2022 SELASA STADIUM HANG JEBAT
MELAKA UNITED FC VS SABAH FC 5 APRIL 2022 SELASA STADIUM HANG JEBAT	TERENGGANU FC VS MELAKA UNITED FC 17 MEI 2022 SELASA STADIUM SMZA
KUALA LUMPUR CITY FC VS MELAKA UNITED FC 9 APRIL 2022 SABTU STADIUM KLFA	MELAKA UNITED FC VS NEGERI SEMBILAN FC 20 MEI 2022 JUMAAT STADIUM HANG JEBAT
SRI PAHANG FC VS MELAKA UNITED FC 16 APRIL 2022 SABTU STADIUM DARUL MAKMUR	MELAKA UNITED FC VS SARAWAK UNITED FC 25 JUN 2022 SABTU STADIUM HANG JEBAT
MELAKA UNITED FC VS JOHOR DARUL TA'ZIM FC 2 JULAI 2022 SABTU STADIUM HANG JEBAT	

www.melakaharini.my | Melaka Hari Ini | Melaka TV | Grafik : Melaka Hari Ini | Sumber : Malaysian Football League (MFL)